


PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2003

LAPORAN TAHUNAN 2003 ANNUAL REPORT



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Laporan Tahunan
2003



KUALA LUMPUR
2004

Cetakan / *Printing*, 2004
© Perpustakaan Negara Malaysia, 2004

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, dalam apa jua bentuk, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, disalin semula, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada
Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from The Director-General National Library of Malaysia.

Diterbitkan oleh / *Published by*
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur
www.pnm.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan Tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia,-1985-.

-Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985-.

Tahunan

ISSN 0128-3170

1. National Libraries--Malaysia. 2. Corporation reports. 1. Judul.
027.5595

K A N D U N G A N

<input type="checkbox"/> Falsafah, Wawasan, Misi	2
<input type="checkbox"/> Penubuhan, Objektif, Pusat Penyerahan Terbitan Negara	3
<input type="checkbox"/> Carta Organisasi Mengikut Fungsi	4
<input type="checkbox"/> Ahli Lembaga Penasihat	5
<input type="checkbox"/> Jawatankuasa Penasihat	7
<input type="checkbox"/> Pasukan Pengurusan 2003	11
<input type="checkbox"/> Pencapaian Tahun 2003	12
<input type="checkbox"/> Peristiwa Penting 2003	15
<input type="checkbox"/> Koleksi Perpustakaan	17
<input type="checkbox"/> Pengurusan Maklumat	19
Maklumat Malaysiana	19
Maklumat Umum	21
Gerakan Membaca dan Literasi Maklumat	23
<input type="checkbox"/> Pendokumentasian dan Pangkalan Data	27
<input type="checkbox"/> Teknologi Maklumat dan Komunikasi	28
<input type="checkbox"/> Pemuliharaan dan Reprografi	29
<input type="checkbox"/> Pembangunan dan Penyelidikan Perpustakaan	31
Prasarana Perpustakaan	31
Khidmat Nasihat dan Perundingan	33
Penyelidikan Perpustakaan	34
<input type="checkbox"/> Perkhidmatan Sokongan	38
Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia	38
Pembangunan Sumber Manusia	41
Lawatan	42
Liputan Media Massa	44
<input type="checkbox"/> Kerjasama Perpustakaan	45
Peringkat Kebangsaan	45
Peringkat Serantau dan Antarabangsa	46
<input type="checkbox"/> Pameran	48
<input type="checkbox"/> Penerbitan	50
<input type="checkbox"/> Penulisan	51
Kertas kerja	51
Ulasan Buku	52
<input type="checkbox"/> Kebajikan dan Sukan	55



FALSAFAH

Membina bangsa Malaysia berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.

WAWASAN

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai peneraju pusat rangkaian perkhidmatan perpustakaan bertaraf dunia, ke arah merealisasikan matlamat Dasar Wawasan Negara.

MISI

Membolehkan rakyat Malaysia menikmati perkhidmatan perpustakaan dan berupaya menggunakan ilmu warisan intelek melalui prasarana sistem perpustakaan digital bersepadu.

PENUBUHAN

Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditubuhkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara (Akta 80) 1972*. Akta ini dipinda pada tahun 1987 selaras dengan perkembangan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

OBJEKTIF

Maksud dan objektif Perpustakaan Negara Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian II, Seksyen 3 *Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987* adalah seperti berikut :


- (a) menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (b) memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara; dan
- (c) mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (menggantikan *Akta Pemeliharaan Buku 1966*) menetapkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Negara. Maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Negara adalah seperti berikut:

- (a) untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia;
- (b) untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia; dan
- (c) untuk menyelenggarakan rekod statistik bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2003 (MENGIKUT FUNGSI)



AHLI LEMBAGA PENASIHAT



Y.Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba
(Pengerusi)



Y.B. Prof. Dato' Dr. Hj.
Othman bin Haji Ishak



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr.
Awang Had bin Salleh



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee
Lam Thye



Y.Bhg. Prof. Emeritus Datuk
Dr. Hajah Nik Safiah bt. Hj.
Abdul Karim



Y.B. Tuan Hj. Zakaria bin
Nordin



Y.Bhg. Puan Azah Aziz



Y.Bhg. Dato' Hj. Ambrin
bin Buang



Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt.
Baba

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan mengikut peruntukan *Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80)*, Bahagian III, Seksyen 5(1). Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memberi nasihat kepada

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia berhubung dengan pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia khususnya dan di seluruh negara amnya.

Ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut:

1. Y.Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba (Pengerusi)
2. Y.B. Prof. Dato' Dr. Hj. Othman bin Haji Ishak
3. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had bin Salleh
4. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee Lam Thye
5. Y.Bhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Hajah Nik Safiah bt. Hj. Abdul Karim

6. Y.B. Tuan Hj. Zakaria bin Nordin
7. Y.Bhg. Puan Azah Aziz

Ex-Officio

8. Y.Bhg. Dato' Haji Ambrin bin Buang
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
Malaysia
9. Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba
Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia telah bermesyuarat sebanyak 2 kali, iaitu pada 13 Mac 2003 di Perpustakaan Negara Malaysia, dan pada 11 September 2003 di Eden Garden Hotel, Johor Bahru, Johor. Antara perkara-perkara yang dibincangkan pada kedua-dua mesyuarat itu ialah :

➤ 13 Mac 2003

- Laporan prestasi pembangunan Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri Tahun 2002.
- Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA).
- Pelaksanaan struktur organisasi baru Perpustakaan Negara Malaysia tahun 2002.
- Laporan *Kajian Pembangunan Kompetensi Pustakawan dan Keperluan Latihan Sumber Manusia Perpustakaan Negara Malaysia*.
- Kajian semula Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2003-2005.

➤ 11 September 2003

- Kertas cadangan penyediaan waktu perkhidmatan perpustakaan yang baru.
- Kertas cadangan pameran Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) di Perpustakaan Negara Malaysia.
- Laporan *Pelaksanaan Projek Pembangunan Perpustakaan Negara Malaysia/Perpustakaan Awam Negeri/ Prestasi Bantuan Belanja Mengurus Perpustakaan Awam Negeri*.

- Kertas cadangan program Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia Oktober/November 2003.
- Laporan Karnival Bulan Membaca Kebangsaan, 1 - 31 Julai 2003.

Sempena dengan Mesyuarat Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia di Johor, satu program lawatan ke Woodlands Regional Library, Singapura, telah diadakan pada 11 September 2003. Rombongan lawatan telah diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba dan telah disambut oleh Dr. Christopher Chia, Ketua Pegawai Eksekutif Singapore Library Board. Lawatan ini juga turut disertai oleh pegawai-pegawai tertinggi pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia.



Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM, bil. 2/2003 di Eden Garden Hotel, Johor Bahru pada 11 September 2003.



Lawatan kerja Ahli Lembaga Penasihat ke Perpustakaan Awam Woodlands, Singapura.

JAWATANKUASA PENASIHAT

JAWATANKUASA GERAKAN MEMBACA KEBANGSAAN

Perpustakaan Negara Malaysia bertindak sebagai Urus Setia Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan. Bahagian Gerakan Literasi Maklumat diberi tanggungjawab untuk melaksanakan peranan tersebut.

Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri dan wakil pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan tidak mengadakan mesyuarat pada tahun ini. Sungguhpun demikian, Kempen Membaca dan Bulan Membaca Kebangsaan 2003 telah diadakan di peringkat kebangsaan dan negeri.

Ahli-ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia

Ahli

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia/Pengerusi MBKM

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Johor

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Kedah

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Kelantan

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Melaka

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Negeri Pahang

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Negeri Perak

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Negeri Perlis

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Negeri Pulau Pinang

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Negeri Sabah

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Negeri Selangor

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Negeri Sembilan

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Negeri Terengganu

Pengerusi Jawatankuasa Membaca Wilayah Persekutuan

Setiausaha Tetap Kementerian Alam Sekitar Sarawak

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Ketua Pengarah Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Yang DiPertua Persatuan Pustakawan Malaysia

Presiden Persatuan Pembacaan Malaysia

Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia

Presiden Persatuan Penjual Buku Malaysia

Presiden Persatuan Pengimport Buku Malaysia

Setiausaha Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd.

Pengarah Urusan The New Straits Times Press (M) Sdn. Bhd.

Pengerusi Sistem Televisyen Berhad

Urus Setia

Setiausaha Jawatankuasa Gerakan Membaca
Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA KEBANGSAAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT

Perpustakaan Negara Malaysia menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Penyelidikan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat pada tahun 2000. Tujuan penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk membantu Perpustakaan Negara Malaysia membuat keputusan berkaitan dengan projek penyelidikan dan pembangunan (P & P) perpustakaan dalam negara. Bahagian Penyelidikan Perpustakaan adalah Urus Setia bagi Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat pada 8 April 2003 dan 29 Disember 2003. Antara perkara yang dibincangkan ialah :

➤ 8 April 2003

- Laporan kajian program pembangunan kompetensi pustakawan.
- Cadangan baru perkhidmatan Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan.
- Cadangan *Kajian Keperluan Standard Metadata bagi Pemeliharaan Maklumat Digital di Agensi Kerajaan 2004*.
- Cadangan *Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Desa di Malaysia 2004*.

➤ 29 Disember 2003

- Laporan Kajian Keperluan Sumber Manusia dalam Bidang Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat di Malaysia.
- Cadangan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2004.
- Kertas Cadangan Penawaran/Permohonan Geran Kepada Penyelidik Untuk Menjalankan Kajian-kajian Berkaitan Dengan Perpustakaan, Kepustakawanan dan Perkhidmatan Maklumat.

Ahli-ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Ahli

Puan Norpishah bt. Mohd Noor
Pengarah
Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian
Perpustakaan Negara Malaysia

Puan Siti Zakiah bt. Aman
Pengarah
Prasarana Ilmu dan Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

Y.Bhg. Dato' Dr. Zaiton bt. Osman
Pustakawan Perunding
Universiti Malaya

Prof. Dr. Halimah bt. Badioze Zaman
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Madya Dr. Laili bin Haji Hashim
Dekan Fakulti Pengajian Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Prof. Madya Dr. Ahmad Bakeri bin Abu Bakar
Ketua
Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Prof. Madya Dr. Diljit Singh
Timbalan Dekan (Pembangunan)
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya

Y.Bhg. Datin Paduka Hajah Shahaneem Hanoum bt.
Dadameah
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Y.Bhg. Datin Mardhiah bt. Mohd. Zin
Ketua Pustakawan
Pusat Maklumat Sawit
Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia

Dr. Mohd. Sahandri Gani bin Hj. Hamzah
Ketua Penolong Pengarah
Unit Penyelidikan
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cik Suscelah Fonseca
Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha

Tuan Haji Rosham bin Haji Abdul Shukor
Timbalan Pengarah Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA PENASIHAT MANUSKRIP MELAYU

Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu yang dilantik bagi tahun 2003 – 2004 telah bermesyuarat pada 26 Julai 2003. Antara perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah:

- Perancangan aktiviti Pusat Manuskrip Melayu bagi tahun 2003.
- Pengesanan dan pendokumentasian manuskrip Melayu di Indonesia.
- Pameran *Persuratan Manuskrip Melayu : warisan intelek silam*.

Ahli-ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.Bhg. Datuk Prof. Emeritus Dr. Mohd Taib bin Osman

Timbalan Pengerusi

Dr. Haji Harun bin Mat Piah

Ahli

Prof. Dr. Muhammad bin Haji Salleh
Universiti Sains Malaysia

Dato' Prof. Dr. Siti Hawa bt. Salleh
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Madya Dr. Muhammad Bukhari bin Lubis
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Prof. Madya Dr. Ab. Razak bin Ab. Karim
Universiti Malaya

Dr. Badriyah bt. Hj. Salleh
Perbadanan Muzium Melaka

Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia

Puan Norpishah bt. Mohd Noor
Pengarah Pembinaan Koleksi Negara dan
Pendokumentasian
Perpustakaan Negara Malaysia

Setiausaha

Datin Siti Mariani bt. S. M. Omar
Timbalan Pengarah Pusat Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA PENASIHAT KHIDMAT SUMBER MEDIA

Jawatankuasa Penasihat Khidmat Sumber Media telah ditubuhkan pada tahun 1994 bagi menasihati Ketua Pengarah mengenai hal-hal yang berkaitan dengan sumber media. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali sepanjang tahun 2003. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah:

➤ 5 Ogos 2003

- Pengesanan bahan sumber media Malaysiana di Australia.
- Pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi bahan penyiaran di Perpustakaan TV, Jabatan Penyiaran Malaysia.

➤ 11 November 2003

- Pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi filem di Jabatan Filem Negara Malaysia.
- Maklumat mengenai hak cipta.

Ahli-ahli Jawatankuasa**Pengerusi**

Y.Bhg. Prof. Datuk Zainal Abidin bin Abdul Wahid
Sejarawan/Penyelidik

Ahli

Y.Bhg. Datuk Mohd. Shariff bin Hj. Ahmad
Ketua Pengarah
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
(FINAS)

Prof. Madya Dr. Abdul Rahim bin Mohd Saad
Universiti Utara Malaysia

Y.Bhg. Dato' Mustapha Azahari bin Maarof
Setiausaha
Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia
(PFM)

Puan Primalani M. Kukanesan
Pengarah Perkhidmatan Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

Puan Fatimah bt. Jusoh
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tuan Haji Abdul Rahman bin Hamid
Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Malaysia
Kementerian Penerangan Malaysia

Cik Corinne Ann Cutter
Penolong Pengarah
Jabatan Filem Negara Malaysia

Encik Manisegaran a/l Amasi
Pengarah Hakcipta
Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Encik Panchacharam Nalliah (Pansha)
Bendahari
Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia
(PFM)

Encik Mohamed Nor bin Haji Abd Aziz
Setiausaha Bahagian Kandungan dan Pos
Bahagian Komunikasi dan Multimedia
Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

Cik Nafisah bt. Ahmad
Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Teknik
Perpustakaan Negara Malaysia

Setiausaha

Puan Maizan bt. Ismail
Timbalan Pengarah Hipermedia
Perpustakaan Negara Malaysia

PASUKAN PENGURUSAN 2003



Duduk dari kiri: En. So'ot Mohamed Yasin (Pgh. Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia), Pn. Primalani M. Kukanesan (Pgh. Perkhidmatan Maklumat Umum), Pn. Siti Zakiah Aman (Pgh. Prasarana Ilmu dan Maklumat), Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat (Pgh. Perancangan dan Perhubungan Korporat), Y.Bhg. Dato' Zawayah Baba (Ketua Pengarah), Pn. Norpishah Mohd. Noor (Pgh. Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian/Timbangan Ketua Pengarah [*menanggung kerja*]), Pn. Zainab Ibrahim (Pgh. Perkhidmatan Maklumat Malaysiana), En. Raslin Abu Bakar (Pgh. Bhg. Pembangunan Sumber Manusia), En. Mohd. Azri Hassan (Pgh. Bhg. Teknologi Maklumat).

Berdiri dari kiri: Pn. Dahlia Zainal (Timb. Pgh. Bhg. Pakar Maklumat), Cik Salbiah Mohammad Yusof (Timb. Pgh. Bhg. Rangkaian Perpustakaan), Pn. Fadhilah Aini Mohd. Yusof (Timb. Pgh. Bhg. Khidmat Pelanggan), Pn. Maizan Ismail (Timb. Pgh. Hipermedia), Pn. Carole Ann Goon (Timb. Pgh. Pusat Penyerahan Terbitan Negara), Cik Nafisah Ahmad (Timb. Pgh. Bhg. Khidmat Teknik), Tn. Haji Mohd. Din Ahmad (Timb. Pgh. Bhg. Pemuliharaan), Tn. Haji Rosham Abdul Shukor (Timb. Pgh. Bhg. Penyelidikan Perpustakaan), En. Abd. Rahman Sudin (Timb. Pgh. Bhg. Rangkaian Sistem Perpustakaan), En. Shafikullah Hj. Mohd. Shafie (Timb. Pgh. Bhg. Maklumat Umum), En. Kamaruddin Mat Nata (Timb. Pgh. Bhg. Khidmat Nasihat dan Perundingan), Pn. Siti Aishah Sheikh Kadir (Timb. Pgh. Bhg. Gerakan Literasi Maklumat), Pn. Jamilah Mohd. Sir (Timb. Pgh. Bhg. Maklumat Digital Malaysiana), Pn. Shahrozat Ibrahim (Timb. Pgh. Bhg. Perancangan dan Dasar Korporat), Pn. Nor Hasimah Rahmat (Ketua Audit Dalam), Datin Siti Mariani S.M. Omar (Timb. Pgh. Pusat Manuskrip Melayu), Pn. Fauziah Abu Hassan (Timb. Pgh. Pusat Maklumat Malaysiana), Pn. Saonah Shairi (Timb. Pgh. Pusat Bibliografi Negara).

Tiada dalam gambar: En. Mohd. Azri Ramli (Timb. Pgh. Bhg. Khidmat Nasihat dan Perundingan), Pn. Musalmah A. Muiz (Ketua Bhg. Penerbitan) dan Pn. Samsul Khamariah Hamzah (Ketua Bhg. Pinjaman)

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan sebuah Jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertanggungjawab untuk membina koleksi kebangsaan dari pelbagai jenis sumber, menyediakan kemudahan untuk kegunaan sumber tersebut dan memberi kepimpinan dalam hal ehwal perpustakaan. PNM juga memainkan peranan penting dalam merancang dan membangun prasarana perpustakaan di seluruh negara, yang menjadi asas bagi memupuk budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia. Peranan ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memantapkan kecemerlangan budaya ilmu mengikut arus pembangunan negara berasaskan ilmu.

KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, PNM terus mempergiatkan program perolehan pelbagai sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*, pembelian, hadiah dan pertukaran. Sehingga akhir 2003, jumlah kumulatif koleksi PNM adalah 1,809,681 unit. Sumber perpustakaan yang telah diperolehi sepanjang tahun 2003 di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan, 1986* adalah sebanyak 54,288 unit, melalui pembelian sebanyak 28,146 unit dan melalui hadiah dan pertukaran 4,823 unit.

PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT

Usaha-usaha bagi memperkukuhkan peranan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Perkhidmatan Rujukan Malaysia telah dilakukan dengan memantapkan koleksi dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna. Sepanjang tahun 2003, seramai 457,418 orang telah mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia, dan seramai 52,437 orang telah mendaftar sebagai ahli baru perpustakaan yang menjadikan jumlah kumulatif ahli Perpustakaan Negara Malaysia sehingga akhir tahun 2003 seramai 591,214 orang. Pada tahun 2003, sejumlah 71,473 pertanyaan rujukan dari pembaca telah berjaya dijawab dan sebanyak 516,787 unit sumber perpustakaan telah dirujuk oleh pembaca.

Dalam usaha untuk membantu dan memudahkan pembaca membuat rujukan dan penyelidikan, PNM telah mengusahakan berbagai penerbitan sepanjang tahun 2003. Di antaranya ialah *Bibliografi Beranotasi Kanak-kanak*, *Bibliografi Dr. Mahathir, edisi diperluas (3 jilid)*, *Bibliografi Kemerdekaan*, *Bibliografi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj*, *Bibliografi Warisan Budaya Melayu* dan *Direktori Laman Web Wanita Malaysia*.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PNM dengan kerjasama *Multimedia Development Corporation (MDC)* dan beberapa institusi terpilih yang ada kaitan dengan pengajian dan hal ehwal Islam telah membangunkan portal Perpustakaan Digital Islam Antarabangsa (*International Islamic Digital Library (IIDL)*). IIDL merupakan satu wahana maklumat berpusat yang dapat memberi maklumat komprehensif, tepat dan sahih berkaitan Islam dan ummah. Portal ini yang boleh diakses melalui laman web www.iidl.net telah berjaya dipertontonkan semasa Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya pada 11-17 Oktober 2003. Perpustakaan Negara Malaysia juga telah mengambil bahagian dalam MATRADE *Caravan Show 2003* untuk mempromosi IIDL di Jeddah, Saudi Arabia pada 6-13 Disember 2003 dan di Sharjah, Dubai pada 20-25 Disember 2003. Portal IIDL telah dipertontonkan juga di *World Summit for Information Society (WSIS)* di bawah program pembangunan ICT di Pavilion Malaysia dari 9-13 Disember 2003 di Geneva, Switzerland.



Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia melawat pameran produk ICT yang diadakan sempena ICADL 2003 di Hotel Prince, Kuala Lumpur.

Projek Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) yang dimulakan pada tahun 2000 secara usahasama oleh PNM, *Multimedia Development Corporation* (MDC), Telekom Malaysia serta beberapa perpustakaan akademik, perpustakaan khusus dan perpustakaan awam di negara ini, bertujuan untuk memudahkan akses kepada sumber ilmu bagi pembelajaran sepanjang hayat, telah dilancarkan secara rasmi pada 9 Disember 2003 oleh Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia, semasa Persidangan *The 6th International Conference of Asian Digital Libraries* (ICADL 2003).

GERAKAN MEMBACA

Selaras dengan usaha untuk mendapatkan penyertaan yang lebih meluas daripada masyarakat serta impak yang lebih berkesan, sambutan Bulan Membaca Kebangsaan pada tahun 2003 telah diadakan di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Sambutan pada tahun ini adalah berkonsepkan karnival dengan tujuan untuk menarik minat masyarakat terutamanya golongan belia dan remaja bahawa membaca itu suatu aktiviti yang menyeronokkan di samping mampu memberikan ilmu. Majlis Pelancaran Karnival Bulan Membaca yang penuh gilang-gemilang telah disempurnakan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia, pada 5 Julai 2003. Sebanyak 45 gerai jualan buku serta bahan-bahan pembelajaran telah dibuka untuk kunjungan orang ramai dari jam 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam pada 4 hingga 6 Julai 2003 di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Pavilion Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan perkhidmatan pendaftaran keahlian dan jualan bahan-bahan terbitan Perpustakaan Negara Malaysia, selain menjadi tempat bagi pelaksanaan aktiviti *Icon of the Day* melibatkan selebriti terpilih yang telah berjaya dalam karier masing-masing hasil dari banyak membaca. PNM juga memulakan perancangan bagi membangunkan satu Pangkalan Data Pembacaan Literasi Maklumat Malaysia atau *i-Baca*.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Usaha meningkatkan kemahiran dan kecekapan anggota Perpustakaan Negara Malaysia serta anggota di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan diteruskan melalui program pembangunan sumber manusia. Sepanjang tahun 2003, sebanyak 38 kursus dan bengkel telah diadakan dengan kerjasama institusi

kerajaan dan swasta yang telah memberi manfaat kepada sejumlah 1,075 peserta. Seramai 14 orang pegawai PNM telah dihantar ke luar negara menyertai kursus dan persidangan. Di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia seramai 22 pembantu perpustakaan dari beberapa negara termasuk dari Malaysia telah mengikuti kursus *Basic Course for Library Assistants* yang diadakan pada 15-30 Oktober 2003 di PNM. Bagi Program Lawatan dan Penempatan pula, seramai 15 orang pustakawan telah menyertai program ini termasuk pustakawan dari 14 negara luar. Sepanjang tahun 2003, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Sistem Saraan Malaysia, PNM telah mengadakan sebanyak 13 Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan dan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang melibatkan 845 orang calon.

PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

PNM adalah bertanggungjawab bagi menyelaras pembangunan infrastruktur perpustakaan awam di seluruh negara. Pada tahun 2003, sejumlah RM26,894 juta telah diperuntukkan kepada PNM untuk disalurkan kepada Perpustakaan Awam Negeri. Peruntukan ini adalah untuk membangunkan 2 buah perpustakaan negeri, 13 buah perpustakaan awam cawangan, 3 buah perpustakaan pekan, 30 buah perpustakaan desa siber ilmu, 6 buah perpustakaan bergerak multimedia, 9 projek pendigitalan sumber ilmu negeri dan 13 pusat kecemerlangan sumber ilmu negeri. Pada tahun 2003, sebanyak 45 institusi telah menerima khidmat nasihat dan perundingan yang disediakan oleh Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan, PNM. Sebanyak 4 mesyuarat telah diadakan dengan anggota Perpustakaan Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan pelbagai peringkat. Perjumpaan bersama Penyelia Perpustakaan Kementerian/Jabatan Kerajaan turut diadakan pada 21 Ogos 2003, dan perjumpaan Ketua Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dengan Anggota Sokongan Zon Selatan telah diadakan pada 8 – 10 September 2003.

HUBUNGAN KERJASAMA

Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan *The 6th International Conference of Asian Digital Libraries* (ICADL 2003) yang telah diadakan pada 8 - 12 Disember 2003 di Kuala Lumpur bertemakan *Digital Libraries: Technology and Management of Indigenous Knowledge for Global Access*.

PROGRAM KUALITI

Pada tahun 2003, PNM telah menyertai beberapa Pertandingan Anugerah Kualiti dalam Perkhidmatan Awam seperti Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kaedah Penyimpanan Manuskrip Melayu), Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (MAMPU), Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia (Kaedah Penyimpanan Manuskrip Melayu) dan Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

MS ISO 9001 : 2000

Dalam usaha untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2000 pada akhir tahun 2003, PNM telah mengambil pelbagai tindakan bagi mendapatkan pengiktirafan. Beberapa bengkel telah diadakan, termasuk Bengkel Kesedaran MS ISO 9001:2000, Bengkel-bengkel Penyediaan Dokumentasi dan Bengkel Audit Dalaman. Majlis perasmian Pelaksanaan Sistem Kualiti MS ISO 9001:2000 Jabatan telah dilakukan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Ambrin bin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.

MESYUARAT KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN, BIL. 1/2003

Buat pertama kalinya Perpustakaan Negara Malaysia telah diberi penghormatan untuk menjadi hos kepada Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, bil. 1/2003. Mesyuarat telah diadakan di Bilik Persidangan, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya pada 21 April 2003. Satu rombongan seramai 54 orang yang diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri Samsuddin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara, telah melawat Perpustakaan Negara Malaysia pada hari berkenaan.

Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan satu pameran berjudul *Pembangunan Perpustakaan di Malaysia: satu imbasan*. Bersempena dengan lawatan ini juga telah diadakan Majlis Pelancaran *E-Library User Education Module* oleh Y.Bhg. Tan Sri Samsuddin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara.

PENYUSUNAN SEMULA RUANG-RUANG PERPUSTAKAAN

Pada tahun 2003, beberapa bahagian telah berpindah ke bangunan TH Selborn, Jalan Tun Razak, bagi menampung keperluan ruang pejabat dan peluasan perkhidmatan. Pengubahsuaian telah dilakukan bagi keselesaan pengguna dan kemudahan kakitangan. Bahagian-bahagian yang terlibat dalam perpindahan tersebut ialah :

- Bahagian Khidmat Teknik (Aras 16)
- Bahagian Rangkaian Perpustakaan (Aras 17)
- Bahagian Gerakan Literasi Maklumat (Aras 17)
- Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan (Aras 17)
- Pusat Bibliografi Negara (Aras 18)
- Bahagian Penyelidikan Perpustakaan (Aras 18)
- Bahagian Penerbitan (Aras 18)
- Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (Aras 19)
- Pusat Penyerahan Terbitan Negara (Aras 19)



Peserta kursus MTCP, *Basic Course for Library Assistants* di Majlis Perasmian Kursus.



Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan *Bibliografi Kemerdekaan* pada 18 Ogos 2003.

Peristiwa Penting

2003



Y.Bhg. Tan Sri Samsuddin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara, menunjukkan minat di dalam usaha PNM memulihara manuskrip Melayu dan bahan nadir, dalam pameran sempena lawatan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan ke PNM, pada 21 April 2003.



Y.Bhg. Dato' Haji Ambrin bin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, menyampaikan dokumen MS ISO 9001:2000 PNM, kepada Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah PNM, di Auditorium PNM, pada 15 September 2003.



Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia menyempurnakan gimik pelancaran Karnival Bulan Membaca 2003, di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, pada 5 Julai 2003.



Tetamu kehormat, Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad di Majlis Perasmian 6th International Conference of Asian Digital Libraries (ICADL 2003) di Hotel Prince, Kuala Lumpur pada 9 Disember 2003.




Bibliografi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dilancarkan oleh Y.B. Dato' Mahadzir Mohd Khir, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia, bersempena dengan sambutan memperingati 100 tahun keputeraan Almarhum Tunku, pada 11 April 2003 di Auditorium PNM.



Y. Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah PNM, merasmikan Pameran Negara-Negara OIC, di ruang pameran PNM pada 8 Oktober 2003



Mr. Brian Cowen, T.D. , Menteri Hal-ehwal Luar Republik Ireland, menyampaikan poster dan 150 naskhah buku-buku kesusasteraan Ireland dalam bahasa Inggeris karya penulis terkenal Ireland, untuk koleksi PNM kepada Y. Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah PNM pada 10 Januari 2003.



Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor, Pengerusi Yayasan Felda, menyempurnakan gimik pelancaran Pusat Hipermedia PNM yang dibiayai oleh Yayasan berkenaan pada 24 April 2003.



Y.A. Bhg. Dato' Amar Hajah Laila Taib, isteri Ketua Menteri Sarawak, tertarik dengan koleksi nadir di Bahagian Perkhidmatan Maklumat Malaysiana, semasa lawatan rasmi beliau ke PNM pada 17 September 2003.



Gambar beramai di Majlis Perasmian dan Penyampaian Sijil *The IMPAC Dublin Literary Award for Young Malaysians* yang telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Musa Hitam, di PNM, pada 14 Mac 2003.

KOLEKSI PERPUSTAKAAN

PENYERAHAN DI BAWAH AKTA 331

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) telah menetapkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Negara. Akta tersebut mewajibkan setiap penerbit di negara ini menyerahkan 5 naskah bahan bercetak dan 2 naskah bahan bukan bercetak kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk pemeliharaan dan rujukan. Melalui penguatkuasaan Akta ini, Perpustakaan Negara Malaysia akan dapat memperkukuhkan koleksi warisan intelek negara bagi menyokong usaha-usaha penyelidikan generasi masa kini dan akan datang.


Sepanjang tahun 2003, sebanyak 10,652 judul (100,812 naskah) bahan perpustakaan diterima sebagai bahan serahan di bawah Akta tersebut, iaitu 9,430 judul bahan bercetak dan 1,222 judul bahan tidak bercetak. Daripada jumlah ini, sebanyak 9,128 judul (46,884 naskah) bahan perpustakaan telah didaftar, iaitu merangkumi 7,633 judul bahan bercetak dan 1,484 bahan tidak bercetak.

PEMBELIAN

■ Koleksi Monograf


Perpustakaan Negara Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM2,742,890.00 bagi memperoleh bahan perpustakaan, iaitu RM1,405,900.00 di bawah peruntukan Belanja Mengurus dan RM1,336,990.00

Jadual I
JUMLAH KUMULATIF KOLEKSI
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
MENGIKUT BENTUK BAHAN 2001-2003



di bawah peruntukan Belanja Pembangunan. Daripada jumlah bahan yang diperolehi, sebanyak 20,256 naskah adalah bahan Malaysiana manakala 7,890 naskah adalah bahan bukan Malaysiana. Bilangan bahan yang dibeli mengikut bentuk bahan adalah seperti di **Jadual I dan II**.

Jadual II
TAMBAHAN TAHUNAN KOLEKSI
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
MENGIKUT BENTUK BAHAN 2001-2003



■ Koleksi Peribadi

Perpustakaan Negara Malaysia meneruskan usaha untuk mengumpul koleksi peribadi tokoh-tokoh negara dan bahan nadir untuk rujukan dan penyelidikan serta pemeliharaan khazanah warisan ilmu negara. Pada tahun 2003, dua koleksi peribadi tokoh negara diperolehi, iaitu:

- (i) Koleksi Y.Bhg. Tan Sri Datuk Wira Hj. Abd. Aziz bin Tapa, tokoh pendidik, ahli politik dan budayawan negara. Koleksi ini mengandungi 934 bahan terdiri daripada buku, majalah, kertas kerja, risalah, surat peribadi dan piring hitam; dan
- (ii) Koleksi Bapak Said bin Zahari, tokoh veteran dalam bidang persuratkhabaran dan aktivis politik zaman sebelum kemerdekaan. Koleksi ini terdiri daripada 1,920 bahan, seperti pakejan maklumat, majalah, buku, surat/dokumen peribadi, risalah.

■ Terbitan Bersiri

Sebanyak 268 judul terbitan bersiri telah dilanggan meliputi jurnal, majalah dan surat khabar luar negara.

■ Langganan Pangkalan Data Elektronik

Pada tahun 2003, peruntukan telah diperolehi untuk melanggan pangkalan data elektronik untuk Konsortium Perpustakaan Negara Malaysia di bawah Projek Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA). Tiga pangkalan data elektronik iaitu *CLJ Legal Network*, *EBSCO* dan *ProQuest* telah dilanggan dan boleh diakses oleh 72 ahli konsortium melalui portal MyLib.

Dua pangkalan data elektronik yang telah dilanggan ialah *LawNet* dan *NSTP e-Media* serta *e-book netLibrary*.

■ Manuskrip Melayu

Peruntukan sejumlah RM450,000.00 telah disediakan untuk memperolehi manuskrip Melayu, iaitu RM150,000.00 di bawah Belanja Mengurus dan RM300,000.00 di bawah Belanja Pembangunan. Sebanyak 240 naskhah manuskrip Melayu dalam bentuk asal telah diperolehi.

HADIAH DAN PERTUKARAN

Pada tahun 2003, usaha-usaha menambah koleksi dipertingkatkan melalui program hadiah dan pertukaran. Sebanyak 4,823 naskhah bahan telah diperolehi yang terdiri daripada 4,096 naskhah monograf dan 727 naskhah bahan terbitan bersiri. Bahan-bahan ini merupakan sumbangan dari orang perseorangan dan institusi. Di bawah program ini, Perpustakaan Negara Malaysia mengagih sebanyak 1,469 naskhah bahan perpustakaan kepada 25 buah institusi yang memerlukan. Di samping itu, 6,024 naskhah bahan terbitan yang diterima daripada agensi lain dalam dan luar negara telah diedarkan kepada 495 buah perpustakaan khusus dan akademik. Perpustakaan Negara Malaysia juga mengedarkan 112 naskhah terbitannya kepada 56 perpustakaan luar negara.

MAKLUMAT MALYSIANA

■ Perkhidmatan Malaysiana

Selaras dengan teras strategi Jabatan ini untuk menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat kecemerlangan maklumat bagi perkhidmatan dan koleksi Malaysiana, pelbagai usaha telah dilakukan ke arah memantapkan lagi perkhidmatan tersebut. Akibat dari penyusunan semula struktur organisasi, beberapa perubahan telah dilakukan berkaitan susun atur koleksi yang disediakan. Kerjasama pengubahsuaian dan perpindahan ini telah sedikit sebanyak mengganggu keselesaan pembaca.

Pada tahun 2003, sebanyak 106,739 pembaca telah menggunakan perkhidmatan Malaysiana dengan merujuk kepada 373,498 bahan (**Jadual III**). Sejumlah 627 bahan dari 759 permohonan telah dipinjamkan di bawah Sistem Pembekalan Penerbitan, sementara sebanyak 51,798 pertanyaan rujukan diterima dan dijawab (Lihat **Jadual IV**).

Salah satu aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Maklumat Malaysiana ialah penerbitan bibliografi. Pada tahun 2003, *Bibliografi Warisan Budaya Melayu* telah diterbitkan sempena Sambutan Bulan Bahasa dan Sastera 2003. *Bibliografi Kemerdekaan* yang disusun khusus sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan

turut diterbitkan dan telah dilancarkan oleh Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 18 Ogos 2003.


Pameran diadakan bagi mempromosi kandungan maklumat yang terdapat dalam koleksi sumber rujukan Malaysiana. Pusat Maklumat Malaysiana dengan kerjasama beberapa bahagian telah mengadakan *Pameran Baba Kemerdekaan* dan *Kuiz Baba Kemerdekaan* secara dalam talian. Pameran *Pembangunan Perpustakaan di Malaysia : Satu Imbasan* juga telah diadakan sempena lawatan Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, pada 21 April 2003.

Berbagai aktiviti telah dikendalikan seperti *Infobunt* sempena *Majlis Anugerah NILAM dan Khemah Membaca*, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pusat Maklumat Malaysiana juga mempamerkan perkhidmatan digital PNM di Pavilion PNM di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

Sempena Karnival Bulan Membaca Kebangsaan 2003, Pusat Maklumat Malaysiana juga telah mengendalikan *Pertandingan Choral Speaking* dan *Bacaan Kegemaran Saya*. Sempena Minggu Kualiti Jabatan, program *Focus Group Interview* atau *Wacana Kumpulan Sasaran* turut dijalankan.


Jadual III

BAHAN DIRUJUK MENGIKUT BAHAGIAN 2003



Jadual IV

PERTANYAAN RUJUKAN YANG DITERIMA MENGIKUT BAHAGIAN 2001-2003



■ Pusat Manuskrip Melayu

Pusat Manuskrip Melayu bertanggungjawab membina koleksi manuskrip Melayu, mendokumen, memulihara, menyediakan perkhidmatan dan menyebarkan ilmu yang terkandung di dalam bahan ini melalui pameran dan penerbitan.

Pusat Manuskrip Melayu telah memberi perkhidmatan kepada 144 orang penyelidik yang telah merujuk kepada 373 naskhah asal dan 93 manuskrip dalam bentuk salinan mikrofilem. Sebanyak 552 pertanyaan rujukan terdiri daripada 349 pertanyaan rujukan ringkas dan 203 pertanyaan penyelidikan telah diterima dan dijawab seperti di **Jadual IV**.

Sebagai langkah untuk memasyarakatkan manuskrip Melayu di kalangan orang awam, beberapa pameran telah diadakan sepanjang tahun 2003, di antaranya ialah *Pameran Persuratan Melayu: Warisan Intelek Silam* dan *Pameran Koleksi Agong Negara Warisan Dunia*. Sempena Bulan Membaca 2003, pertandingan *Pementasan Babak Hikayat Hang Tuah* telah diadakan.

■ Perpustakaan Digital Islam Antarabangsa

Portal Perpustakaan Digital Islam Antarabangsa (*International Islamic Digital Library (IIDL)*) dibangunkan untuk menyediakan sumber rujukan komprehensif dan sahih mengenai Islam dan umatnya di seluruh dunia. Ianya boleh diakses melalui www.iidl.net. IIDL telah dilancarkan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia, sempena Majlis Perasmian *6th International Conference of Asian Digital Libraries* pada 9 Disember 2003.

Ke arah memantapkan keupayaan beberapa pustakawan tempatan di dalam pengurusan perpustakaan digital



Pavillion PNM yang memenangi hadiah pertama Anugerah Gerai Hiasan Menarik di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

seperti IIDL, sekumpulan 10 orang pustakawan daripada pelbagai institusi telah dipilih oleh Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur untuk mengikuti *US Government International Visitor Programme for Malaysian Librarians* dari 2-13 Jun 2003. Kecuali 3 orang, peserta program lawatan ini adalah wakil kepada institusi yang terlibat dalam pembangunan IIDL. Perpustakaan Negara Malaysia telah diwakili oleh Puan Siti Zakiah bt. Aman, Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat dan Puan Jamilah bt. Mohd. Sir, Timbalan Pengarah Bahagian Maklumat Digital Malaysia.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk melihat inisiatif perpustakaan digital dan pembinaan kandungan digital yang telah dijalankan di beberapa perpustakaan di Washington D.C., New York dan Boston, mengadakan perbincangan dengan pengurus dan pegawai-pegawai berkenaan berkaitan aspek-aspek penting pengurusan pendigitalan, dan penukaran format ke bentuk digital. Selain daripada itu, lawatan ini juga membolehkan ahli Jawatankuasa IIDL meninjau institusi di Amerika Syarikat yang berkemungkinan dapat menyumbang kepada pembangunan kandungan IIDL seperti melalui *hyperlinking* dan seumpamanya. Antara institusi yang dilawati termasuk *Washington Research Library Consortium (WRLC)*, *National Archives and Records Administration (NARA)*, *Islamic Centre of Washington* dan *Library of Congress* di Washington D.C., *New York Public Library*, *Yale University* dan *Hartford Seminary* di New York. Sementara di Boston rombongan telah membuat lawatan ke *Columbia University*, *Research Library Group (RLG)*, *Boston University Library*, *Museum of Fine Arts*, *Harvard University Library* dan *Simmons College*.

Semasa lawatan ini, Puan Siti Zakiah bt. Aman, Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia telah menyampaikan taklimat bertajuk *ICT Infrastructure and Local Content Development in Malaysia: Constraints and Challenges, Promoting the Concept of the International Islamic Digital Library* di Perpustakaan Universiti Columbia pada 10 Jun 2003.

■ Maklumat Digital Malaysia

Bahagian Maklumat Digital Malaysia adalah sebuah bahagian baru yang diwujudkan di bawah penstrukturan semula Perpustakaan Negara Malaysia. Secara amnya bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, melaksana, dan mengurus pembangunan

kandungan tempatan dalam bentuk digital. Di antara pencapaian bahagian ini adalah:

➤ **Mengemaskini kandungan Warisan Budaya Malaysia**

Laman web Warisan Budaya Malaysia telah dibangunkan pada tahun 2000 bertujuan untuk mempromosi kekayaan warisan budaya Malaysia yang terdapat di kalangan masyarakat berbilang kaum. Pada tahun 2003 usaha mengemaskini dan menambah kandungan dalam laman web ini telah dibuat dengan memberi tumpuan kepada segmen peralatan tradisional.

➤ **Penterjemahan laman web Sirih Pinang ke bahasa Inggeris**

Pada tahun 2003 usaha telah dimulakan bagi menterjemah ke bahasa Inggeris kandungan dalam laman web Sirih Pinang yang dilancarkan pada tahun 2001. Laman web ini telah dibangunkan berasaskan pameran Sirih Pinang anjuran Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1999.

➤ **Pameran Maya**

Pameran Maya Perpustakaan Keluarga telah dibangunkan berasaskan bahan pameran Perpustakaan Keluarga yang telah diadakan pada tahun 1999. Pameran maya ini telah dipautkan ke laman web Jabatan dan boleh diakses oleh pengguna.

➤ **Penukaran format CD-ROM Interaktif Puisi Kanak-Kanak kepada bentuk VCD**

Pada tahun 1996, Jabatan telah menerbitkan CD-ROM Interaktif Puisi Kanak-Kanak.



Lawatan pustakawan-pustakawan dari Malaysia ke perpustakaan di Amerika Syarikat dari 2-13 Jun 2003.

Sebanyak 8 buah lagu kanak-kanak telah dimuatkan di dalam CD-ROM tersebut. Inisiatif telah dilakukan untuk menukarkan format CD-ROM kepada bentuk VCD serta menambahkan 4 buah lagu beserta animasi 3D. Lagu-lagu yang ditambah ialah, *Ikan Kekek*, *Timang Tinggi-tinggi*, *Tidurlah Adik* dan *Bangau Oh Bangau*.

➤ **Pendigitalan Audio/Video dan penyusunan semula laman web Muzik Tradisional Malaysia**

Pendigitalan audio dan video serta penyusunan semula laman web Muzik Tradisional Malaysia telah dilakukan pada tahun 2003. Laman web ini kini boleh diakses melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia dalam segmen Warisan Budaya Malaysia.

➤ **Kuiz Dalam Talian Sempena Sambutan Bulan Bahasa dan Sastera**

Sempena sambutan Bulan Bahasa dan Sastera Negara 2003, satu kuiz secara dalam talian (*online*) melalui laman web PNM telah diadakan dari 5 Ogos hingga 4 September 2003. Kuiz ini anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Jabatan Muzium dan Antikuiti adalah bertujuan untuk mengetahui sejauhmana kesedaran dan kepekaan masyarakat tentang isu bahasa, sastera dan warisan persuratan Melayu zaman silam. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan sifat suka membaca dan mencari ilmu pengetahuan dalam jati diri bangsa Malaysia. Pertandingan telah dimenangi oleh Encik Farzidi bin Mat Hussin dari Shah Alam, Selangor di tempat pertama, sementara tempat kedua oleh Encik Mohd. Zainuddin bin Zakaria juga dari Shah Alam. Tempat ketiga dimenangi Encik Hasli bin Ag. Bakar dari Kota Kinabalu, Sabah.

MAKLUMAT UMUM

■ Perkhidmatan Maklumat Umum

Perkhidmatan Maklumat Umum bertanggungjawab untuk menyediakan bahan rujukan monograf terbitan luar negara, dalam semua bidang ilmu. Perkhidmatan ini juga menyediakan kemudahan mengakses maklumat elektronik melalui Internet,

pangkalan data dalam talian dan cakera padat, koleksi khas seperti terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, koleksi ASEAN, koleksi Sudut Harvard dan koleksi Maklumat Perniagaan.

Pada tahun 2003, seramai 60,688 pembaca telah menggunakan perkhidmatan ini dan sebanyak 142,823 bahan telah dirujuk (**Jadual III**). Jumlah pertanyaan rujukan yang diterima dan dijawab adalah sebanyak 18,155 (**Jadual IV**).

Ke arah membangunkan Perkhidmatan Maklumat Perniagaan (*Business Information Service*) lawatan telah dibuat ke pelbagai agensi berkaitan untuk meninjau perkhidmatan yang disediakan. Dua laman web telah dibina dan boleh diakses dengan melayari Laman Web CIS (<http://cis.pnm.my/nalcis>) dan Laman Web Pangkalan Data Pakar Maklumat (<http://cis.pnm.my/pakar>).

■ Perkhidmatan Pempakejan Maklumat

Dalam usaha mempromosi dan menggalakkan penggunaan bahan rujukan umum, pelbagai aktiviti diadakan. Bahagian Maklumat Umum telah membangunkan *E-Library User Education Module* sebagai pakej pembelajaran secara *e-learning*. Modul ini telah berjaya meraih tempat ketiga dalam pertandingan inovasi peringkat jabatan.

■ Perkhidmatan Pendidikan Pengguna

Program ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kadar literasi maklumat di kalangan pembaca dan membolehkan mereka mencari, mendapat dan menggunakan semula maklumat dengan lebih berkesan. Pada tahun 2003, 13 sesi bengkel pendidikan pengguna telah diadakan yang meliputi pelbagai subjek. Seramai 536 pengguna dari sekitar Lembah Kelang dan Selangor telah mendapat manfaat daripada program ini. Bengkel ini merangkumi pelbagai subjek termasuk pengenalan kepada pelbagai koleksi perpustakaan dan lokasi bahan berkenaan dan sistem katalog atas talian (OPAC), pangkalan data atas talian, Internet, Modul *E-Library User Education* dan MyLib.

■ Perkhidmatan Koleksi Khas

Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan dua koleksi khas, iaitu koleksi terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan koleksi Harvard.

➤ Koleksi Bangsa-Bangsa Bersatu

Perpustakaan Negara Malaysia telah dilantik sebagai Pusat Penyerahan

Terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi negara (*National Depository for United Nations Publications*) sejak tahun 1976. Terbitan juga diterima dari pelbagai agensi di bawah PBB seperti Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan agensi-agensi lain. Pada tahun 2003, sejumlah 350 naskhah bahan telah diterima dan didokumen dan ianya disediakan kepada pengguna sebagai koleksi khas.

➤ Koleksi Harvard

Koleksi ini ditaja oleh Kelab Harvard Malaysia sejak tahun 2000. Sehingga tahun 2003, jumlah koleksi yang terkumpul ialah 542 naskhah monograf, 24 judul terbitan bersiri dan 13 unit bahan media.

■ Hipermedia


Ke arah meningkatkan perkhidmatan hipermedia yang disediakan, jabatan telah berusaha melalui beberapa rakan strategik menaiktaraf kemudahan yang ada. Syarikat ExxonMobil telah menyumbang sebanyak RM36,000.00 untuk projek menaiktaraf peralatan dan sudut muzik Pusat Hipermedia Kanak-kanak dan RM95,000.00 untuk menaiktaraf perkakasan kesemua komputer di Pusat tersebut kepada komputer bercirikan multimedia. Sepanjang tahun 2003, seramai 32,760 pengguna telah menggunakan kemudahan yang disediakan di Pusat Hipermedia Kanak-Kanak (Lihat **Jadual V**).

Pada tahun 2003, seramai 41,134 pengguna telah menggunakan perkhidmatan hipermedia. Pusat Hipermedia Dewasa yang menyediakan perkhidmatan Internet, pangkalan data dalam talian, *video on demand* dan *E-Library User Education*. Sesi pendidikan pengguna yang dijadualkan telah menarik seramai 10,614 pengguna.

■ Kem Komputer

Kem Komputer 2003 tajaan ExxonMobil telah berjaya dilaksanakan dari 7 hingga 12 September 2003. Tema pada tahun ini ialah *Bijak IT*. Peserta tahun ini adalah dari Sekolah Kebangsaan Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan dan disertai oleh seramai 30 orang kanak-kanak. Antara kandungan Kem ini

Jadual V
PENGGUNAAN PUSAT SUMBER HIPERMEDIA
KANAK-KANAK
2001-2003



ialah ceramah berkaitan pengenalan kepada komputer, pengenalan kepada Internet dan penghasilan kerja atau tugas oleh peserta menggunakan kemudahan yang disediakan.

■ Hari Kanak-Kanak Sedunia

Perpustakaan Negara Malaysia telah menyambut Hari Kanak-Kanak Sedunia pada 11 Oktober 2003. Tema sambutan pada tahun ini ialah *Hayati dan lindungi hak kami*. Acara-acara menarik yang dijalankan termasuklah nyanyian beramai-ramai, sesi bercerita, persembahan boria, tarian dan badut.



Peserta kursus Kem Komputer bergambar ramai bersama fasilitator kursus.



Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof bin Noor dan lain-lain tetamu kehormat diberi penerangan mengenai kemudahan di Pusat Hipermedia Dewasa PNM yang baru dirasmikan.

GERAKAN MEMBACA DAN LITERASI MAKLUMAT

Selaras dengan usaha untuk mendapatkan penyertaan yang lebih meluas serta impak yang lebih berkesan daripada masyarakat, sambutan Bulan Membaca Kebangsaan 2003 telah diadakan di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Pelancaran Sambutan Bulan Membaca telah disempurnakan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia pada 5 Julai 2003. Pelancaran adalah berkonsepkan karnival dan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya golongan belia dan remaja bahawa membaca sebenarnya menyeronokkan. Tema *baca@gaya* hidup dikekalkan sebagai tema untuk tahun 2003. Sebanyak 45 gerai telah disediakan untuk pengunjung karnival tersebut.

Program promosi dan publisiti sambutan pada tahun ini adalah lebih agresif dan meluas. Pertubuhan-pertubuhan dan agensi-agensinya kerajaan juga mendapat faedah dari agihan sumbangan dalam bentuk bahan bacaan berjumlah RM50,000.00. Sebanyak RM78,000.00 telah diperuntukkan kepada 13 buah negeri bagi menjayakan *Bengkel Perpustakaan Keluarga* dan RM7,000.00 bagi setiap negeri untuk *Program Bacaan Kegemaran Saya*. Dua buah negeri telah menerima peruntukan khas bernilai RM20,000.00 setiap satu, iaitu Perpustakaan Negeri Sabah untuk projek rintis galakan membaca yang baru, *Bengkel Membaca Melalui Teladan* dan Pustaka Negeri Sarawak bagi program *Born to Read*.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan termasuklah *Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Kebangsaan* dan *Bengkel untuk Jurulatih: Kem Galak Belia Membaca 2003*. *Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Kebangsaan* diadakan untuk 2 kategori, iaitu

pertandingan peringkat Rumah Desa/Kampung dan peringkat Taman Perumahan. Sebanyak 18 pencalonan dari Perpustakaan Awam Negeri telah diterima, kecuali dari negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah. Bagi kategori rumah Desa/Kampung sebanyak 8 pencalonan diterima manakala bagi kategori Taman Perumahan sebanyak 10 pencalonan telah diterima. Pemenang pertama bagi Kategori Rumah Desa/Kampung ialah Puan Azizah dari Balik Pulau, Pulau Pinang, pemenang kedua Puan Hajah Marizah binti Haji Kasiron dari Kg. Jenjarom, Jenjarom, Kuala Langat dan pemenang ketiga ialah Encik Md. Azman bin Haji Asran dari Kampung Tenglu, Jalan Endau, Mersing. Pemenang pertama bagi Kategori Taman Perumahan ialah Encik Utoh bin Bruyut dari Taman Ria, Tawau Sabah, pemenang kedua Encik Mohamad Said bin Awang, dari Pasir Bogak, Pulau Pangkor, Perak dan pemenang ketiga Puan Hazira bt. Hamzah dari Raub, Pahang. *Bengkel untuk Jurulatih: Kem Galak Belia Membaca* pula bertujuan untuk memperluaskan para belia dengan pelbagai kemahiran bagi membolehkan peserta mereka bentuk dan melaksanakan program pembacaan di kalangan komuniti setempat. Seramai 48 peserta berusia 25 hingga 35 tahun telah menyertai bengkel ini.

Menyedari kepentingan terkumpulnya maklumat mengenai pembacaan untuk dirujuk, Perpustakaan Negara Malaysia telah memulakan perancangan bagi mewujudkan pangkalan data *i-baca* yang akan mengandungi maklumat-maklumat mengenai pembacaan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.


■ Pendaftaran Pembaca

Sepanjang tahun 2003, sebanyak 23 kempen keahlian pembaca telah diadakan di luar premis Perpustakaan Negara Malaysia meliputi sekolah-sekolah, kolej, agensi kerajaan dan pusat membeli-belah sekitar Lembah Kelang, Selangor dan Pahang. Seramai 52,437 orang telah didaftarkan sebagai ahli perpustakaan terdiri daripada 43,680 orang dewasa, 5,869 orang kanak-kanak dan 2,888 orang yang didaftarkan sebagai ahli keluarga. Sebanyak 629 orang rakyat asing telah juga mendaftar sebagai ahli. Jumlah kumulatif ahli berdaftar sehingga 2003 ialah 591,214 orang. Lihat **Jadual VI**.

■ Pinjaman


Pada tahun 2003, sebanyak 287,340 naskhah bahan bacaan telah dipinjamkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 169,872 naskhah dipinjam daripada koleksi

Jadual VI
JUMLAH PEMBACA BERDAFTAR
2001-2003



dewasa, manakala 117,468 naskhah dipinjam daripada koleksi kanak-kanak seperti di **Jadual VII**. Sebanyak 7,331 naskhah dipinjam melalui pinjaman berkelompok (Lihat **Jadual VIII**).

Jadual VII
JUMLAH BAHAN BACAAN YANG DIPINJAM
2001-2003



Jadual VIII
JUMLAH PINJAMAN BAHAN
2001-2003

TAHUN KATEGORI	2001	2002	2003
PUSAT	286,181	276,270	287,340
POS	7	-	-
KELOMPOK	9,733	7,998	7,331
SPP	983	905	638

■ **Sambutan Bulan Membaca Kebangsaan 2003**

Pelbagai aktiviti dan program menarik telah diadakan sepanjang bulan Julai bagi menggalakkan lebih ramai ahli masyarakat turut serta dalam program pembacaan. Aktiviti-aktiviti ini adalah:

➤ **Bacaan Kegemaran Saya**

Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) diadakan setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad bermula dari 1 hingga 30 Julai 2003. Dalam program ini, peserta akan berkongsi dengan penonton buku yang menjadi kegemarannya sama ada melalui penceritaan atau ulasan.

➤ **Pameran**

Pameran Bacaan Kegemaran Saya : *My Favourite Read* yang diadakan dibuka untuk kunjungan orang ramai setiap hari sewaktu pembukaan perkhidmatan perpustakaan dari 1 hingga 31 Julai 2003.

➤ **Pelancaran Buku**

Terdapat beberapa penerbit yang mengambil kesempatan untuk melancarkan buku penerbitan mereka di Perpustakaan Negara Malaysia pada Bulan Membaca. Majlis pelancaran yang telah diadakan adalah:


- Pelancaran 2 buah buku pada 10 Julai 2003, iaitu buku *Cinta Penyerahan dan Tragedi* hasil karya Puan Zaharah bt. Nawawi dan Puan Hamidah Kamaruddin dan buku *Kumpulan Puisi Warna dan Wajah* hasil karya Puan Zaharah Nawawi. Majlis pelancaran telah disempurnakan

oleh Y.A.M. Raja Dato' Seri Azureen Sultan Azlan Shah, penaung Kelab Sahabat Perpustakaan Negara Malaysia.

- Pelancaran Buku *Pandai Jawi* hasil karya Matlob pada 17 Julai 2003. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Datuk Ab. Rauf Yusoh, Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.
- Pelancaran Buku *Bahasa Kita* jilid 1 dan 2 hasil karya Y.Bhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah bt. Hj. Karim pada 24 Julai 2003. Majlis pelancaran telah dilakukan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had bin Salleh, Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia.



Y.Bhg. Tun Zahir bin Hj. Ismail mengulas buku kegemaran beliau dalam program Bacaan Kegemaran Saya pada 18 Julai 2003.



Profesor DiRaja Ungku Aziz bin Ungku Abd. Hamid mengulas buku *The Soul of Malaya*.



Y.A.M Raja Dato' Seri Azureen Sultan Azlan Shah, berkenan melancarkan dua buah buku di PNM pada 10 Julai 2003.

➤ Ceramah

Beberapa siri ceramah diadakan sepanjang Bulan Membaca. Ceramah yang telah diadakan ialah:

- *Peluang-peluang Pendidikan dan Kerjaya di Bidang Kepustakawanan* diadakan sebanyak 2 sesi iaitu pada 23 dan 29 Julai 2003.
- *Irish Writing in English* pada 9 Julai 2003.
- *Membina Landskap Indahnya Alam Kita* pada 26 Julai 2003.
- Sesi Bersama Penulis diadakan pada 23 dan 27 Julai 2003.

➤ Bengkel

- Bengkel Penulisan Kreatif pada 23 Julai 2003.
- Bengkel *Mental Arithmetic* pada 13 Julai 2003.
- Bengkel untuk Jurulatih : Kem Galak Belia Membaca 2003 pada 18 hingga 21 Julai 2003.
- Bengkel Meneroka Pangkalan Data Elektronik (2 sesi) pada 21 dan 28 Julai 2003.
- *Fun Learning for Kids (7 sesi)* pada 12, 14, 15, 16, 17, 18 dan 20 Julai 2003.

➤ Seminar

- Sehari Bersama Penerbit ke-5 : Wacana ke arah Menghasilkan Buku Terlaris di Malaysia pada 22 Julai 2003.
- Dialog Pustakawan dengan Pembekal Buku pada 22 Julai 2003.
- Wacana Rekacipta Sains melalui Pembacaan pada 26 Julai 2003.

➤ Pertandingan

- Kuiz Internet *Info-Hunt* dari 15 Jun hingga 15 Julai 2003.
- Pertandingan Pementasan Teater Babak Hikayat Hang Tuah pada 12 Julai 2003.
- Pertandingan *Choral Speaking : Reading as a Lifestyle* pada 20 Julai 2003.



Segmen Bersama Penulis pada 23 Julai 2003.



Dialog Pustakawan Bersama Pembekal Buku telah diadakan di PNM pada 22 Julai 2003.

PENDOKUMENTASIAN DAN PANGKALAN DATA

PENDOKUMENTASIAN

Pada tahun 2003, sebanyak 13,335 judul bahan perpustakaan terbitan dalam dan luar negara yang diperolehi meliputi pelbagai disiplin ilmu telah dikatalog. Sebanyak 33,637 unit bahan untuk rujukan dan pinjaman pembaca telah diproses.

Sebanyak 2,547 kertas kerja daripada 123 persidangan/seminar yang telah diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke pangkalan data PANCARAN MENTARI. Sebanyak 603 artikel daripada majalah tempatan juga telah diindeks dan dimasukkan ke pangkalan data PANCARAN MENTARI.

Di bawah Perkhidmatan Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP), sebanyak 3,123 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia disediakan. Judul ini dipromosikan melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia bagi tujuan pemilihan/perolehan perpustakaan dan pusat sumber maklumat serta orang ramai. Sehingga akhir tahun 2003, seramai 750 penerbit tempatan menyertai perkhidmatan ini dan 58 daripadanya merupakan penerbit baru.

Sebagai Pusat Kebangsaan bagi *International Standard Book Number* (ISBN) dan *International Standard Serial Number* (ISSN), Perpustakaan Negara Malaysia mengeluarkan sebanyak 13,247 nombor ISBN kepada judul baru buku terbitan negara dan 302 nombor ISSN kepada judul baru terbitan bersiri yang diterbitkan dalam tahun 2003.

PANGKALAN DATA

Pada akhir tahun 2003, bilangan rekod bagi pangkalan data dalam talian yang boleh dicapai melalui *Virginia Tech Library System* (VTLS) ialah:

- BINAR yang mengandungi 329,303 rekod bibliografi koleksi Perpustakaan Negara Malaysia;
- Bibliografi Negara Malaysia (BNM) yang mengandungi 65,819 rekod bibliografi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan diterima di bawah *Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966* dan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*;
- PANCARAN MENTARI mengandungi 57,510 rekod indeks.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PROJEK NAIKTARAF SISTEM PERPUSTAKAAN BERSEPADU

Pada tahun 2003, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil langkah untuk menaiktaraf Sistem Perpustakaan Bersepadu Jabatan. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan sistem *Virginia Tech Library System (VTLS) Classic* sedia ada kepada Sistem Perpustakaan Bersepadu yang berasaskan 'web' dengan peruntukan sebanyak RM2,114,000.00. Proses perolehan projek ini dibuat secara tender terhadap dan telah dikemukakan kepada Mesyuarat Lembaga Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 9 Disember 2003.

PENINGKATAN INFRASTRUKTUR ICT JABATAN

Di bawah Peruntukan Pembangunan RMKe-8, sebanyak RM712,000.00 telah diperolehi untuk menaiktaraf infrastruktur ICT Jabatan dengan memperolehi komputer mikro dan pencetak. Jabatan juga menjalankan projek menaiktaraf kabel seluruh rangkaian komunikasi Jabatan di samping meningkatkan kelajuan talian capaian Internet dari 128 kbps kepada 2Mbps.

TEMPLATE PANGKALAN DATA PERPUSTAKAAN KHUSUS MENGGUNAKAN PANGKALAN DATA CDS/ISIS FOR WINDOWS

Pada tahun 2003, Perpustakaan Negara Malaysia telah dapat menghasilkan template berasaskan CDS/ISIS *for windows* untuk digunakan sebagai pangkalan data oleh perpustakaan khusus. Terdapat tiga pangkalan data yang dibangunkan, iaitu:

- Pangkalan Data Katalog Koleksi Perpustakaan (*CAT*) yang merekod koleksi yang terdapat di perpustakaan kecil.
- Pangkalan Data Rekod Pengguna (*USER*) yang merekod ahli-ahli yang berdaftar di perpustakaan.

- Pangkalan Data Inventori (*INV*) yang merekod semua perkakasan dan perisian yang digunakan atau diperolehi, untuk kegunaan kakitangan perpustakaan.

6th INTERNATIONAL CONFERENCE OF ASIAN DIGITAL LIBRARIES (ICADL 2003)

Persidangan 6th *International Conference of Asian Digital Libraries* telah diadakan pada 8 hingga 12 Disember 2003 di Hotel Prince, Kuala Lumpur. Persidangan ini dianjurkan bersama oleh Perpustakaan Negara Malaysia, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama *Multimedia Development Corporation (MDC)*, MIMOS Berhad dan Kementerian Teknologi, Komunikasi dan Multimedia.

Penganjuran persidangan ini adalah secara bergilir-gilir di kalangan negara-negara Asia. Malaysia diberi peluang menjadi tuan rumah untuk persidangan ke enam. Tema persidangan, *Digital Libraries : Technology and Management of Indigenous Knowledge for Global Access* adalah bersesuaian dengan usaha yang dilaksanakan untuk mencapai kecemerlangan dalam penyediaan maklumat yang boleh diakses secara global melalui pengurusan dan pembangunan teknologi yang diwujudkan.

Perasmian Persidangan ICADL 2003 telah disempurnakan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia. Seramai 300 peserta dari dalam dan luar negara telah turut serta dalam persidangan ini. Sebanyak 68 kertas kerja telah dibentangkan dan diterbitkan sebagai *Lecture Notes in Computer Science (LNCS) Series*. Persidangan ini telah diikuti dengan *Seminar Library and Information Science Education in Asia (LISEA)* anjuran Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), MIMOS Berhad dan *Multimedia Development Corporation (MDC)* pada 12 Disember 2003.

PEMULIHARAAN DAN REPROGRAFI

Jabatan ini berusaha dari masa ke semasa menjalankan aktiviti pemuliharaan sumber koleksi perpustakaan terutama bagi bahan manuskrip Melayu dan bahan nadir Malaysiana. Bahan yang dipulihara bertujuan untuk mengekal keaslian bahan dan keadaan fizikalnya. Di samping itu, salinan mikrofilem surat khabar tempatan, manuskrip Melayu dan bahan nadir juga dibuat. Salinan dalam bentuk mikrofilem adalah untuk rujukan pengguna.


Jumlah bahan yang berjaya diawet, dijilid dan dimikrofilemkan adalah seperti di **Jadual IX**

Pada tahun 2003, sebanyak 254 naskhah manuskrip telah dibuat pewasapan melalui khidmat kontrak luar. Sejumlah 3,327 helai manuskrip telah diawet dan dipulihara. Jumlah manuskrip awetan menggunakan kaedah pembaikan tisu (*machine made roll tissue*) adalah sebanyak 1,524 helai dan 1,803 helai pula menggunakan kaedah *leafcasting*.

■ Pengawetan Bahan Nadir

Pada tahun 2003, sebanyak 12,584 helai dari 95 naskhah bahan nadir telah diawet dan dijilid semula.

Jadual IX
**BAHAN PERPUSTAKAAN YANG TELAH DIJILID,
DIAWET DAN DIMIKROFILEM
1999-2003**



AKTIVITI PEMULIHARAAN

■ Pengawetan Manuskrip Melayu

Lazimnya, manuskrip Melayu yang diperolehi jabatan berada dalam keadaan rosak dan hampir reput. Justeru, rawatan seperti pengawetan dan pemuliharaan perlu dilakukan sebelum disatukan dengan koleksi sedia ada. Terdapat 2 teknik awetan dan pemuliharaan yang digunakan, iaitu, pembaikan tisu dan *leafcasting*.

AKTIVITI REPROGRAFI

Aktiviti reprografi yang dijalankan di jabatan ini melibatkan proses penukaran format bahan bercetak kepada bentuk mikrofilem. Meskipun kini teknologi digital berkembang dengan pesat, namun aktiviti pemikrofileman masih giat dijalankan. Kaedah memikrofilemkan bahan dipercayai lebih tahan dan dapat kekal sehingga melebihi 100 tahun. Sebanyak 66,711 kaki mikrofilem telah dapat disiapkan dalam tahun 2003 dan meliputi mikrofilem surat khabar 60,995 kaki, manuskrip Melayu 5,154 kaki, dan

bahan nadir 562 kaki. Kerosakan mesin MR-II selama 3 bulan telah menjejaskan prestasi memproses mikrofilem sebanyak 15%.

Rakaman gambar foto jabatan pula meningkat sebanyak 80.6% berbanding tahun 2002. Sebanyak 331 aktiviti telah dapat dibuat liputan dengan pengambilan 12,158 keping gambar foto dan 5 unit cakera padat gambar foto menggunakan kamera digital.

AKTIVITI PENJILIDAN

Selain membaiki jilidan buku-buku yang rosak, jabatan ini juga menjalankan kerja-kerja menjilid kertas seminar, buku, majalah dan warta kerajaan supaya bahan-bahan ini lebih kukuh dan mudah dirujuk dan digunakan oleh pengguna. Sebanyak 2,369 naskhah telah dijilid pada tahun 2003, iaitu peningkatan sebanyak 6% dari pencapaian tahun 2002 iaitu sebanyak 2,228 naskhah.

PERKHIDMATAN SOKONGAN

Sepanjang tahun 2003, aktiviti-aktiviti khidmat nasihat, pameran dan demonstrasi, pemuliharaan dan reprografi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Lawatan ke Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Lawatan ke Perpustakaan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA).
- Pameran dan demonstrasi pembaikan manuskrip semasa lawatan Ketua Setiausaha Negara ke Perpustakaan Negara Malaysia sempena Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan bil. 1/2003.

- Demonstrasi penjilidan bahan perpustakaan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.
- Bantuan dan khidmat nasihat menyelamatkan koleksi bahan Perpustakaan Kuala Lumpur yang dilanda banjir.
- Demonstrasi dan pameran pembaikan kecil dan penjilidan sebagai aktiviti sambutan Bulan Membaca Kebangsaan 2003.
- Demonstrasi dan pameran memulihara bahan nadir dan manuskrip sempena Bulan Bahasa dan Sastera.
- Pameran dan demonstrasi pemuliharaan dan penyelenggaraan manuskrip yang diadakan di Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lawatan ke Perpustakaan Taylor's College.

■ Anugerah Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia

Sempena sambutan Hari Kualiti peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia telah dijemput untuk menyertai pertandingan Anugerah Kecemerlangan Kualiti. Inovasi yang diketengahkan adalah kaedah menggunakan kotak bebas asid untuk menyimpan manuskrip. Penggunaan kotak tersebut menjimatkan masa, kos membaiki manuskrip dan ruang simpanan, di samping menjamin kepuasan hati pelanggan.

PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

PRASARANA PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab memastikan pembangunan infrastruktur perpustakaan awam di seluruh negara adalah selaras dengan peranan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987*.

■ Projek Perpustakaan Negara Malaysia

Pada tahun 2003, sebanyak RM10,498,410.00 telah disediakan untuk projek pembangunan Perpustakaan Negara Malaysia seperti berikut:

- Program pembudayaan ilmu.
- Pembangunan perpustakaan digital.
- Perpustakaan Awam, Wilayah Persekutuan.
- Pusat siber ilmu.
- Tanah dan kerja awalan.

Perpustakaan Negara Malaysia telah dapat membelanjakan sebanyak RM4,016,568.46 iaitu 38% daripada peruntukan yang disediakan.

Selain daripada itu, peruntukan berjumlah RM1,336,990.00 telah disediakan untuk pembinaan Koleksi Negara. Sebanyak RM975,827.58 daripada jumlah tersebut, iaitu 73% telah dibelanjakan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang berkenan merasmikan Perpustakaan Awam Bentong, Pahang pada 22 Oktober 2003.

■ Projek Pembangunan Perpustakaan Awam Negeri


Pada tahun 2003, sejumlah RM24,800,600.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk disalurkan kepada Perpustakaan Awam Negeri bagi mempertingkatkan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara. Sebanyak RM13,461,369.23 (54%) telah dapat dibelanjakan.

■ Perpustakaan Bergerak Multimedia (e-Pustaka)

Sebanyak 7 unit Perpustakaan Bergerak Multimedia (e-pustaka) telah dirancang pembinaannya dalam tahun 2003. Ianya akan diagihkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Kelantan, Perak, Perlis, Sabah dan Sarawak.

■ Perpustakaan Desa Siber Ilmu

Peruntukan berjumlah RM3,185,000.00 telah diluluskan untuk membina sebanyak 32 unit Perpustakaan Desa Siber Ilmu di seluruh negara dalam tahun 2003. Sebanyak RM2,027,706.31 daripada jumlah tersebut, iaitu 64% telah dibelanjakan.



Majlis Penyerahan Cek Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, Timbalan Menteri Pendidikan pada 18 Mac 2003 di PNM.

■ Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Negeri

Prasarana yang sedia ada dimantapkan dengan mewujudkan Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Negeri. Bagi tujuan ini, sebanyak RM2,050,000.00 telah diperuntukkan kepada semua Perpustakaan Awam Negeri dalam tahun 2003 untuk memenuhi keperluan maklumat yang seterusnya membolehkan penjaan ilmu bagi penggunaanya. Sebanyak RM855,380.87, iaitu 42% dapat dibelanjakan.

■ Pendigitan Sumber Ilmu Negeri

Pada tahun 2003, sebanyak RM1,300,000.00 telah disediakan kepada semua Perpustakaan Awam Negeri untuk memperkayakan kandungan tempatan dalam bentuk digital. Sebanyak RM393,669.80, iaitu 30% daripada jumlah tersebut telah dibelanjakan.

■ Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Awam Negeri

Sebanyak 2 mesyuarat telah diadakan pada tahun 2003, bertujuan untuk memberi peluang kepada semua Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk berinteraksi dengan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan berbincang serta bertukar-tukar fikiran mengenai isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan khususnya, dan profesion kepustakawanan amnya. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak telah menjadi tuan rumah bagi mesyuarat pertama yang telah diadakan di *Swiss Garden and Spa*, Lumut, Perak pada 28 April 2003 dan mesyuarat kedua di Perpustakaan Negara Malaysia pada 13 Disember 2003.

■ Majlis Penyerahan Cek Peruntukan Belanja Mengurus 2003 Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri

Pada tahun 2003, Majlis Penyerahan Cek Bantuan Belanja Mengurus sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia pada 18 Mac 2003. Pengerusi atau wakil Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Negeri Sabah dan Sarawak telah hadir untuk menerima cek tersebut bagi pihak Perpustakaan Awam Negeri masing-masing.

Pada tahun 2003, sebanyak RM14,500,000.00 telah diperuntukkan bawah peruntukan Belanja Mengurus sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri untuk tujuan pembangunan perpustakaan.

■ Memorandum Persefahaman Perpustakaan Negara Malaysia dan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri/Perpustakaan Negeri Sabah dan Sarawak Bagi Pengurusan Bantuan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan Kepada Perpustakaan Awam Negeri

Memorandum Persefahaman Perpustakaan Negara Malaysia dan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri/Perpustakaan Negeri Sabah dan Sarawak Bagi Pengurusan Bantuan Belanja Mengurus Sumbangan Kerajaan Persekutuan Kepada Perpustakaan Awam Negeri telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak untuk memastikan sumber kewangan digunakan dengan cara yang paling optimum untuk mempercepatkan pembangunan rangkaian perpustakaan dan koleksi perpustakaan negeri serta mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan awam di seluruh negara berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

■ Persidangan Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Se-Malaysia Ke-2

Persidangan Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Se-Malaysia diadakan dua tahun sekali. Persidangan ke-2, anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, diadakan pada 22-23 Mei 2003 dan telah disempurnakan perasmianya oleh Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan Malaysia, pada 22 Mei 2003 di Hotel Sunway Lagoon & Resort, Petaling Jaya, Selangor. Tema persidangan ini ialah *Transformasi Perpustakaan Awam Negeri ke arah Perpustakaan Digital : Isu dan Cabaran*.

■ Terjemahan Penerbitan *The Public Library : IFLA/UNESCO Guidelines for Development*

Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan memantau pembangunan perpustakaan di seluruh negara, khususnya perpustakaan awam, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menterjemahkan

penerbitan *The Public Library : IFLA/UNESCO Guidelines for Development* ke Bahasa Malaysia. Terbitan ini telah dilancarkan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 22 Julai 2003 sempena Program Sehari Bersama Penerbit.

■ Program Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provision - USP*)

Projek pembangunan rangkaian perpustakaan di negeri-negeri mulai tahun 2003 merangkumi juga pelaksanaan projek penyediaan komunikasi asas dan capaian Internet ke kawasan luar bandar yakni di perpustakaan-perpustakaan desa bawah Program Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provision - USP*) oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Program bertujuan untuk merapatkan jurang digital penduduk di bandar dan penduduk di luar bandar. Program ini telah dilancarkan oleh Y.Bhg. Datuk Dr. Halim Shafie, Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, pada 14 November 2003 di Papar, Sabah. Bawah program ini, sebanyak 174 unit perpustakaan desa di seluruh negara akan dilengkapi dengan kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Pada tahun 2003, sejumlah 45 buah perpustakaan telah menerima khidmat nasihat dan perundingan termasuk penempatan di tiga buah institusi seperti berikut:

■ Khidmat Nasihat dan Perundingan

➤ Jabatan Kerajaan

- Hospital Duchess of Kent, Sandakan
- Hospital Kajang
- Hospital Kangar
- Hospital Muar
- Hospital Sultanah Tun Aminah, Johor
- IKBN Bachok
- IKBN Perlis
- ILP Kota Samarahan
- ILP Muar, Tangkak, Johor
- ILP Perlis
- Institut Aminuddin Baki, Genting
- Institut Tanah & Ukur Negara (INSTUN), Behrang

- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), Batu 12, Gombak
- Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sarawak
- Jabatan Penjara Malaysia
- Jabatan Penjara Pokok Sena, Kedah
- Kolej Kejururawatan Hospital Taiping
- Kolej Kejururawatan Ipoh
- Kolej Kejururawatan Kota Bahru
- Kolej Kejururawatan Kuching
- Kolej Kejururawatan Sibul
- Kolej Matrikulasi Changlun
- Kolej Tentera Darat Ulu Tiram, Johor
- Mahkamah Sesyen Johor Bharu
- Mahkamah Sesyen/Majistret Taiping
- Mahkamah Tinggi Ipoh
- Maktab Perguruan Islam, Bangi
- Maktab Perguruan Keningau
- Maktab Perguruan Perlis
- Maktab Perguruan Sandakan
- Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Kota Samarahan
- Muzium Taiping
- Politeknik Kuching
- Politeknik Kulim
- Pusat Latihan Askar Wataniah, Tambun, Ipoh
- Pusat Latihan Pengurusan Air Kebangsaan
- Pusat Latihan Tentera Darat (PULADA), Ulu Tiram
- Sekolah Kejururawatan Masyarakat Tawau
- Sekolah Menengah Berasrama Penuh Integrasi, Gombak
- Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM)



Buku *Perpustakaan Awam: IFLA/UNESCO garis panduan pembangunan* dilancarkan oleh Y.B. Tan Sri Muhyiddin bin Yassin di Auditorium PNM pada 22 Julai 2003.

➤ **Badan Berkanun, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan**

- Pergerakan Puteri UMNO, Cawangan Sentul, Kuala Lumpur.
- Universiti Tunku Abdul Rahman

➤ **Penempatan**

- Institut Latihan Perindustrian Muar, Johor.
- Lembaga Akreditasi Negara.
- *National Council for Women Organisation (NCWO)*, Kuala Lumpur.

■ **Mesyuarat Perpustakaan Akademik (Kolej Matrikulasi dan Politeknik, Maktab Perguruan dan Institut Aminuddin Baki di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia)**

Mesyuarat telah diadakan pada 9 hingga 11 Mac 2003 di Labuan. Seramai 26 orang Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan serta 4 orang wakil Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghadirinya.

■ **Mesyuarat Ketua Pengarah dengan Ketua Pustakawan Perpustakaan Kementerian/Jabatan 2003**

Mesyuarat telah diadakan di Putrajaya pada 2 April 2003 di mana seramai 62 orang Pustakawan telah menghadirinya.

■ **Mesyuarat Penolong Pegawai Perpustakaan Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan 2003**

Mesyuarat telah diadakan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya pada 9 Jun 2003, di mana seramai 66 orang Penolong Pegawai Perpustakaan telah menghadirinya.

■ **Mesyuarat Pembantu Perpustakaan Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan 2003**

Mesyuarat telah diadakan pada 17 April 2003 di Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 220 orang Pembantu Perpustakaan telah menghadirinya.

■ **Mesyuarat Bersama Penyelia Perpustakaan Kementerian/Jabatan Kerajaan 2003**

Mesyuarat telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada 21 Ogos 2003. Seramai 58 orang Penyelia telah menghadirinya.

■ **Majlis Perjumpaan Ketua Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dengan Anggota Sokongan Zon Selatan 2003**

Majlis perjumpaan telah diadakan pada 8 hingga 10 September 2003 di Johor. Seramai 36 orang Pembantu Perpustakaan dari negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor telah menghadirinya. Isu-isu yang dibincangkan ialah berkaitan peningkatan aspek-aspek profesionalisme dalam perkhidmatan. Aktiviti kecergasan juga diadakan bertujuan untuk melahirkan anggota perpustakaan yang cergas dan sihat, memupuk kesefahaman dan kerjasama di kalangan anggota perpustakaan Zon Selatan.

■ **Kursus Asas Pengendalian Perpustakaan bagi Pegawai Penjara Malaysia**

Kursus asas pengendalian perpustakaan bagi Pegawai Penjara Malaysia telah diadakan pada 13 hingga 17 Oktober 2003 di Maktab Penjara Kajang dan dihadiri oleh 30 orang pegawai penjara dari seluruh Malaysia. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai asas pengendalian perpustakaan kepada pegawai penjara yang mengendalikan perpustakaan penjara.

PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab menjalankan dan menyelaras pengumpulan statistik serta melaksanakan aktiviti penyelidikan berkaitan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat, kepustakawanan, pembacaan dan literasi; dan menggalakkan penggunaan IT untuk pembangunan perpustakaan di seluruh negara. Hasil pengumpulan statistik dan penyelidikan berkaitan perpustakaan akan dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh perpustakaan lain bagi memantapkan perkhidmatan yang disediakan.

■ Statistik Perpustakaan

Beberapa siri taklimat/penerangan telah diadakan semasa mesyuarat Pembantu Perpustakaan dengan Ketua Perkhidmatan mengikut Zon dalam usaha meningkatkan kualiti data, pemantapan dan pemantauan statistik perpustakaan khusus bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan.

Pada tahun 2003, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengumpul dan menerbitkan data statistik bagi perpustakaan seperti berikut:

- Perpustakaan Negara Malaysia, 2003.
- Perpustakaan Awam Negeri, 2002.
- Perpustakaan Khusus Gunasama, 2002.
- Perpustakaan Khusus Luar Gunasama, 2002.
- Perpustakaan Akademik, 2002.

Satu analisis bagi statistik Perpustakaan Awam Negeri berjudul *Analisis Perpustakaan Awam di Malaysia : 5 Tahun (1997-2001)* telah disediakan dan dibentang di Mesyuarat Penyelarasan, Gerakan Membaca Perpustakaan Awam Negeri pada 28-29 April 2003 di Lumut, Perak dan Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Awam Negeri pada 13 Disember 2003.

Data statistik perpustakaan awam telah diterbitkan dalam *Buletin Perangkaan Sosial 2003* terbitan Jabatan Perangkaan. Data statistik bilangan Perpustakaan Awam di Malaysia adalah seperti di **Jadual X**.

Laporan statistik Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri yang dikumpulkan bagi tahun 2001, 2002 dan 2003 juga disediakan seperti di **Jadual XI**.

Jadual X
BILANGAN PERPUSTAKAAN AWAM DI MALAYSIA
MENGIKUT NEGERI 2001-2003

NEGERI	2001	2002	2003
Johor*	85	94	93
Kedah	70	69	76
Kelantan	15	14	14
Melaka	29	39	41
Negeri Sembilan	29	29	30
Pahang	51	55	84
Perak*	51	52	55
Perlis	24	24	24
Pulau Pinang	60	65	70
Sabah	80	80	83
Sarawak**	290	222	230
Selangor*	68	67	78
Terengganu	68	79	74
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	11	10	11
Wilayah Persekutuan Labuan	1	1	1
NEGERI	932	900	964

Sumber: *Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Majlis Perbandaran*

* Termasuk perpustakaan (Majlis Perbandaran /Majlis Tempatan)

** Penstrukturan semula Perpustakaan Negeri Sarawak

Jadual XI

PERATUS BILANGAN KEAHLIAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI / PERPUSTAKAAN NEGERI
BERBANDING JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT NEGERI 2001-2003

Bil.	Negeri	2001			2002			2003		
		Bil. Penduduk	Bil. Ahli	Nisbah Ahli Berbanding Penduduk (%)	Bil. Penduduk	Bil. Ahli	Nisbah Ahli Berbanding Penduduk (%)	Bil. Penduduk	Bil. Ahli	Nisbah Ahli Berbanding Penduduk (%)
1	Johor	2,826,500	179,854	6.4	2,891,800	213,836	7.4	2,959,400	203,151	6.9%
2	Kedah	1,707,800	219,422	12.8	1,743,100	232,664	13.3	1,778,200	208,442	11.7
3	Kelantan	1,394,500	82,087	5.9	1,424,700	86,053	6.0	1,453,000	50,532	3.5
4	Melaka	660,600	157,854	23.9	674,000	162,046	24.0	687,100	168,186	24.5
5	Negeri Sembilan	881,800	158,355	17.9	897,400	161,386	17.9	913,300	172,402	18.9
6	Pahang	1,320,600	66,966	5.1	1,346,100	74,550	5.5	1,372,500	83,089	6.1
7	Perak	2,128,600	106,006	4.9	2,162,200	116,061	5.4	2,194,000	124,195	5.7
8	Perlis	211,100	80,922	38.3	214,500	86,017	40.1	217,900	89,318	40.9
9	Pulau Pinang	1,362,600	142,197	10.4	1,390,300	158,406	11.4	1,416,900	186,666	13.2
10	Sabah	2,667,300	150,063	5.6	2,730,100	147,623	5.4	2,795,100	123,356	4.4
11	Sarawak	2,119,600	258,451	12.1	2,166,800	363,123	16.8	2,214,300	559,699	25.3
12	Selangor	4,286,300	692,969	16.1	4,388,900	717,704	16.4	4,498,100	739,333	16.4
13	Terengganu	922,100	250,845	27.2	943,200	269,889	28.6	966,100	260,235	26.9
14	W.Persekutuan Kuala Lumpur	1,446,000	82,817	5.7	1,474,300	91,730	6.2	1,501,800	103,460	6.9
15	W.Persekutuan Labuan	77,600	9,509	12.3	79,100	10,910	13.7	80,600	12,467	15.5
JUMLAH		24,013,000	2,638,317	11.0%	24,526,500	2,891,998	11.8%	25,048,300	3,084,531	12.3

Nota: 1. Bilangan perpustakaan awam di setiap negeri termasuk perpustakaan bandaraya, wilayah, daerah, cawangan, pekan, desa, taman perumahan, bergerak, pusat membeli belah, masjid dan pusat kelompok.
2. Bilangan penduduk dirujuk melalui buku *Buletin Perangkaan Sosial 2002* terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia

■ Penyelidikan Perpustakaan

Pada tahun 2003, sebanyak 2 kajian penyelidikan berkaitan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat telah dijalankan. Ianya adalah seperti berikut:

➤ **Kajian *Survey of Performance Indicators Used by National Libraries in Asia/Oceania***

Soal selidik ini diedarkan kepada 30 buah perpustakaan di Asia/Oceania untuk menetapkan serta menggumpul maklumat mengenai isu pengukuran prestasi perpustakaan sebagai kaedah pilihan bagi menjejak pencapaian kualiti sesebuah institusi.

Hasil kajian telah dibentangkan oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia di Persidangan IFLA 2003 di Berlin, Jerman.

➤ **Kajian Keperluan Sumber Manusia dalam Bidang Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat**

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada kepentingan sumber manusia sebagai satu aset penting dalam sesebuah organisasi selaras dengan matlamat kerajaan untuk membina masyarakat yang membaca dan berilmu. Matlamat ini terkandung dalam *Dasar Negara bagi Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat* yang bertujuan untuk meningkatkan lagi peruntukan dan perkembangan secara berperingkat sumber-sumber, kemudahan dan perkhidmatan maklumat supaya ianya

dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan negara.

Kajian dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia bersama Unit Perundangan Universiti Malaya dan dijangka siap pada penghujung 2003.

Selain daripada itu, Perpustakaan Negara Malaysia juga terlibat dengan *Kajian Mengenai Sistem Pembekalan Perpustakaan (SPP)* dan *Questionnaire on Integrated Library Systems*.

➤ **Brosur *Kajian/Penyelidikan dalam Bidang Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat***

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan institusi yang bertanggungjawab menyatu dan memperkukuhkan bahan-bahan penyelidikan berkaitan sains perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di seluruh negara. Justeru itu, usaha telah dilakukan untuk menyatukan kesemua maklumat mengenai kajian yang telah dan sedang dijalankan oleh institusi-institusi di Malaysia. Sebanyak 44 tajuk kajian/penyelidikan telah dikenalpasti dan disenaraikan dalam brosur ini. Kajian-kajian tersenarai adalah dari :

- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Universiti Kebangsaan Malaysia
- Universiti Malaya
- Universiti Teknologi MARA

KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Pengarah dan Ketua-Ketua Bahagian.

Struktur organisasi Jabatan terbahagi kepada 3 program dan 6 aktiviti seperti berikut:

➤ Program Pengurusan

- Aktiviti Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia.
- Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat.

➤ Program Pembangunan Perpustakaan

- Aktiviti Prasarana Ilmu dan Maklumat.
- Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian.

➤ Program Perkhidmatan Maklumat

- Perkhidmatan Maklumat Malaysiana.
- Perkhidmatan Maklumat Umum.

Di samping itu terdapat 22 Bahagian (Sub-aktiviti) dan satu Unit. Setiap unit diketuai oleh Pengarah dan bahagian diketuai oleh Pengarah, Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah. Unit Audit Dalam pula diketuai oleh Ketua Audit. Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif dan matlamat Perpustakaan Negara Malaysia.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia mengandungi 4 Unit yang menjalankan 4 fungsi, iaitu:

- Khidmat Pengurusan.
- Pengurusan Sumber Manusia.
- Perancangan Sumber Manusia.
- Kewangan.

➤ Khidmat Pengurusan

Fungsi utama Unit Khidmat Pengurusan adalah urusan pentadbiran Jabatan yang bertanggungjawab menguruskan keselamatan bangunan, penyenggaraan bangunan, urusan kenderaan Jabatan, kantin dan sebagainya. Bahagian ini juga menjadi urus setia kepada beberapa aktiviti seperti :

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- Hari Kualiti
- Perhimpunan Bulanan

➤ Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat swasta iaitu Uda Daya Urus Sdn. Bhd. yang dilantik secara kontrak. Kerja-kerja yang dijalankan oleh syarikat tersebut ialah:

- Penyenggaraan bangunan termasuk dari segi sistem sivil, mekanikal dan elektrik.
- Pembersihan dalam bangunan.
- Pembersihan kawasan dan lanskap.
- Pengawasan makhluk perosak.

Sepanjang tahun 2003, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja mengganti 2 unit lif pembaca, pembaikan kecil bangunan, pengindahan kawasan dan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan untuk staf dan pengguna perpustakaan.

■ Keselamatan Jabatan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia adalah sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat 3 jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu:

- Jawatankuasa Mencegah Kebakaran.
- Jawatankuasa Pelan Kontingensi.
- Jawatankuasa Pertolongan Cemas.

Urusan keselamatan bangunan dan kawasan sekitarnya diberi kepada Syarikat *Uneed Guard Security Services* Sdn. Bhd.

■ **Pengurusan Sumber Manusia**

Pada tahun 2003, Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 496 jawatan. Pembahagian jawatan adalah seperti di **Jadual XII**.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia bertanggungjawab dalam menguruskan perlantikan (bagi jawatan-jawatan tertentu), penempatan dan pertukaran, pengesahan dalam jawatan dan pengesahan taraf berpencen, kenaikan pangkat, pergerakan gaji tahunan, urusan tatatertib dan persaraan.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menempatkan pegawai dalam Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan

Jadual XII
PERJAWATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Kumpulan	Jawatan	Pengisian
Pengurusan Tinggi	2	1
Pengurusan dan Profesional	136	121
Kumpulan Sokongan	358	329
JUMLAH	496	451

Perkhidmatan utama di Perpustakaan Negara Malaysia ialah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di mana Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Ketua Perkhidmatan. Jabatan ini juga dibantu oleh pegawai dan kakitangan daripada Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Gunasama Akauntan Negara dan Perkhidmatan Gunasama Kementerian Penerangan.

Di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan terdapat 4 skim perkhidmatan iaitu:

di pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah Kader Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah pegawai yang ditempatkan di Kementerian /Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **Jadual XIII**.

Bagi jawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan ini hanya menguruskan penempatan, pertukaran, perlepasan jawatan dan kenaikan pangkat sahaja, manakala urusan perkhidmatan yang lain diuruskan sendiri oleh agensi-agensi berkenaan.

Jadual XIII
PERJAWATAN KADER PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Jawatan	Bilangan
Pustakawan	243
Pegawai Perpustakaan	15
Penolong Pegawai Perpustakaan	122
Pembantu Perpustakaan	612
JUMLAH	992

- Pustakawan
- Pegawai Perpustakaan (Khas untuk Penyandang)
- Penolong Pegawai Perpustakaan
- Pembantu Perpustakaan

➤ **Perancangan Sumber Manusia**

Unit ini mempunyai 2 fungsi seperti berikut:

- Merancang keperluan tenaga manusia bagi Jabatan.

- Memastikan tenaga kerja yang baru dilantik mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugasnya.

Sepanjang tahun 2003, Jabatan telah melantik anggota-anggota baru seperti berikut:

- Pustakawan Gred S41 - 42 orang
- Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27 - 15 orang
- Pembantu Perpustakaan Gred S17 - 63 orang
- Pengawet Gred N11, Pembantu Am Rendah Gred N1, dan Pemandu Gred R3 - 20 orang

■ Kewangan

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia adalah Pegawai Pengawal. Dalam tahun 2003, Perpustakaan ini telah menerima peruntukan wang berjumlah RM38,367,800.00 untuk belanja mengurus. Perpustakaan Negara Malaysia telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM38,268,017.05 dengan peratus perbelanjaan 108.2%. Peruntukan ini diagih kepada bahagian-bahagian, dan Pengarah dan Ketua Bahagian bertanggungjawab mengurus peruntukan tersebut dengan diselia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal.

Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Pindaan 1987)*. Ianya juga mempunyai 4 Akaun Amanah, iaitu:

- Akaun Amanah Manuskrip Melayu.
- Akaun Amanah Projek Kemasyarakatan.
- Akaun Amanah Perbekalan Penerbitan; dan
- Akaun Amanah Penyelidikan dan Latihan.

■ Aktiviti-aktiviti

2 aktiviti penting telah dijalankan, iaitu:

➤ Perhimpunan Bulanan

Pada tahun 2003, Jabatan telah mengadakan 10 kali Perhimpunan Bulanan. Tujuan perhimpunan ini diadakan adalah untuk membolehkan anggota Jabatan ini mendengar amanat dan ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

➤ Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2003

Pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2003 seramai 29 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2002.



Gambar beramai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2002 bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Ketua Pengarah PNM.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab untuk merancang serta menyediakan program latihan bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan semua anggota Perpustakaan Negara Malaysia serta mereka yang berkhidmat di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan. Program latihan ini termasuk pengendalian kursus dan bengkel, penghantaran pegawai untuk mengikuti kursus dalam dan luar negara serta lawatan sambil belajar dan program penempatan pegawai di pelbagai institusi bagi menambah dan memperluaskan pengalaman mereka. Di samping itu, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia juga bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan kursus dan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM).

■ Kursus/Bengkel bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Sepanjang tahun 2003, sebanyak 20 kursus/bengkel telah dapat dikendalikan untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Kursus/bengkel yang diadakan dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia secara bersendirian atau dengan kerjasama institusi luar seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan beberapa institusi latihan swasta. Bidang kursus/bengkel yang ditawarkan merangkumi pelbagai bidang kepustakawanan, pengurusan, komunikasi, pengurusan kewangan, pembangunan diri, teknologi maklumat, selain kursus Penilaian Tahap Kecekapan. Seramai 550 orang pegawai ikhtisas telah menyertai program latihan berkenaan.

■ Kursus/Bengkel bagi Kumpulan Sokongan

Sebanyak 18 kursus/bengkel telah diadakan bagi kumpulan sokongan merangkumi bidang kepustakawanan, motivasi, komunikasi berkesan, perkhidmatan kaunter dan pelanggan berkualiti, sistem komputer dan kursus induksi. Seramai 525 orang peserta telah menyertai kursus/bengkel tersebut.

■ Ceramah Ikhtisas/Ceramah Khas

Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan tahap pengetahuan dan ilmu yang ada kaitannya dengan bidang kepustakawanan terutamanya yang ada kaitan dengan isu-isu semasa

seperti pembangunan kandungan digital tempatan, pelan strategik, pelaksanaan penilaian program dalam sektor awam dan lain-lain. Sebanyak 9 ceramah ikhtisas/khas yang dihadiri oleh 1,265 orang telah diadakan sepanjang tahun 2003.

■ Kursus/Bengkel/Seminar/Persidangan di Luar Jabatan

Pada tahun 2003, Perpustakaan Negara Malaysia telah menghantar 128 peserta untuk mengikuti kursus/bengkel, seminar dan persidangan yang dianjurkan oleh institusi kerajaan dan swasta, merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan pengurusan berkualiti, sistem komputer, komunikasi, literasi, teknologi maklumat dan sebagainya. Selain daripada itu, seramai 14 orang pegawai juga telah berpeluang mengikuti kursus dan persidangan di luar negara.

■ Latihan Praktik dan Penempatan di Perpustakaan Negara Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima 32 orang pegawai dari dalam negara untuk mengikuti latihan praktik dan penempatan. Mereka adalah dari Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Kuala Lumpur, kolej swasta dan syarikat-syarikat swasta.

■ Program Kerjasama Teknik Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme*)

Perpustakaan Negara Malaysia telah mengendalikan 2 kursus di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia bagi sektor perpustakaan sejak tahun 1985 sehingga kini. Bagi tahun 2003, kedua-dua program latihan ini telah dilaksanakan secara serentak pada 15 September hingga 3 Oktober 2003. Seramai 22 orang Pembantu Perpustakaan telah menyertai kursus *Basic Course for Library Assistants* manakala 15 orang Pustakawan telah menyertai kursus *Library Visits/Attachments*.

Basic Course for Library Assistants telah dihadiri oleh peserta-peserta dari Cambodia, Fiji, Indonesia, Kyrgyzstan, Malaysia, Namibia, Nepal, Palestine, Republik Malawi, Sri Lanka, Seychelles, *Western Samoa* dan Zambia.

Kursus *Library Visits/Attachments* telah dihadiri oleh pegawai-pegawai ikhtisas dari Bangladesh, China, Croatia, Ethiopia, Indonesia, Kazakhstan, Laos,

Mauritius, Malaysia, Palestine, Pakistan, Republik Malawi, Seychelles, Tanzania, Thailand, dan Vietnam.

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada kakitangan ikhtisas serta kakitangan sokongan perpustakaan, khususnya dari negara-negara membangun mengenai pengurusan perpustakaan di Malaysia. Kursus ini juga menjadi *platform* bagi berkongsi dan bertukar pengalaman di antara peserta dari dalam dan luar negara dalam bidang kepustakawanan.

■ Peperiksaan Perkhidmatan

Pada tahun 2003, sebanyak 13 Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan dan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) telah diadakan bertujuan untuk pengesahan dalam jawatan, anjakan gaji dan kenaikan pangkat. Seramai 845 calon telah menduduki peperiksaan seperti berikut:

- Ujian Kederasan Menaip (untuk hadiah kenaikan) bagi Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) bil. 1/2003 pada 13 Mei 2003 (1 orang Jurutaip)
- Ujian Kederasan Menaip (Kederasan 18 psm) bagi Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 bil. 2/2003 pada 9 September 2003
- Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Perpustakaan, Gred S17 bil. 1/2003 pada 26-27 Mei 2003 (175 orang Pembantu Perpustakaan).
- Peperiksaan Perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S27 pada 29 Mei 2003 (55 orang Penolong Pegawai Perpustakaan).
- Peperiksaan Khas untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S27 pada 28 Mei 2003 (68 orang Pembantu Perpustakaan).
- Peperiksaan PTK bagi Pembantu Perpustakaan, Gred S17 (Tahap Kecekapan 1) pada 6 Oktober 2003 (220 orang).
- Peperiksaan PTK bagi Pembantu Perpustakaan, Gred S17 (Tahap Kecekapan 2) pada 7 Oktober 2003 (64 orang).
- Peperiksaan PTK bagi Pembantu Perpustakaan Kanan, Gred S22 (Tahap Kecekapan 3) pada 6-7 Oktober 2003 (39 orang).
- Peperiksaan PTK bagi Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S27 (Tahap Kecekapan 1) pada 7 Oktober 2003 (30 orang).
- Peperiksaan PTK bagi Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S27 (Tahap Kecekapan 2) pada 7 Oktober 2003 (11 orang).
- Peperiksaan PTK bagi Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan, Gred S32 (Tahap Kecekapan 3) pada 8-9 Oktober 2003 (20 orang).
- Peperiksaan PTK bagi Pustakawan, Gred S41 (Tahap Kecekapan 1) pada 8-9 Oktober 2003 (57 orang).
- Peperiksaan PTK bagi Pustakawan, Gred S41 (Tahap Kecekapan 2) pada 8-9 Oktober 2003 (17 orang).
- Kursus PTK bagi Pustakawan, Gred S48 (Tahap Kecekapan 4) pada 14 Disember 2003-2 Januari 2004 (33 orang).

LAWATAN

Sepanjang tahun 2003, Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima seramai 3,541 orang pelawat. Daripada jumlah itu, seramai 3,486 orang adalah pelawat dari dalam negara dan seramai 55 orang pelawat dari luar negara, antaranya dari Filipina, Ireland, Mauritius, Republik Czech, Singapura, dan Vietnam.

Antara pelawat istimewa ialah Y.Bhg. Tan Sri Samsuddin Osman, Ketua Setiausaha Negara, yang mengetuai rombongan lawatan Ketua Jabatan sempena Mesyuarat Ketua Jabatan Persekutuan bil. 1/2003 yang dihoskan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada 21 April 2003. Pelawat istimewa

lain ialah Y.A. Bhg. Dato' Amar Hajah Laila Taib, isteri Ketua Menteri Sarawak, yang telah melawat

Perpustakaan Negara Malaysia pada 19 September 2003. Senarai lawatan adalah seperti di **Jadual XIV**.



Lawatan rasmi lima orang pelawat dari Hanoi Pedagogical University, Vietnam pada 7 November 2003.



Peserta Kursus Asas Pengendalian Perpustakaan bagi Pegawai-Pegawai Penjara melawat PNM pada 15 Oktober 2003.

Jadual XIV
LAWATAN KHAS KE PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN 2003

Tarikh	Nama Pelawat	Institusi/Organisasi
10 Januari 2003	Mr. Brian Cowen Menteri Hal Ehwal Luar Ireland	Kedutaan Ireland
12 Januari 2003	National Library Vietnam	National Library Vietnam
22 Mac 2003	National Library Board Singapore	National Library Board Singapore
21 April 2003	Ketua Setiausaha Negara dan Ahli Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan	Kementerian dan Jabatan Persekutuan
5 Mei 2003	Lembaga Pengarah Perbadanan, Perpustakaan Awam Perlis	Perpustakaan Awam Perlis
25 Julai 2003	Provost Stephen Kopp, Ohio University	Ohio University
18 Ogos 2003	Permodalan Nasional Berhad	Permodalan Nasional Berhad
19 Ogos 2003	Majlis Perbandaran Miri, Sarawak	Majlis Perbandaran Miri, Sarawak
27 Ogos 2003	Kumpulan Penyelidik Perpustakaan Digital Kulliyah ICT Universiti Islam Antarabangsa	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Tarikh	Nama Pelawat	Institusi/Organisasi
28 Ogos 2003	Lembaga Kemajuan Bintulu, Sarawak	Lembaga Kemajuan Bintulu, Sarawak
17 September 2003	Y.A.Bhg. Dato' Amar Hajah Laila Taib, Isteri Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak	Kerajaan Negeri Sarawak
26 September 2003	Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia	Kementerian Pendidikan Malaysia
15 Oktober 2003	Peserta Kursus Asas Pengendalian Perpustakaan bagi Pegawai-Pegawai Penjara	Jabatan Penjara Malaysia
20 Oktober 2003	Encik Cham Kam Lon, Ketua Pustakawan Vietnam	Perpustakaan Vietnam
23 Oktober 2003	Pengarah Perpustakaan Negara Mauritius	Perpustakaan Negara Mauritius
7 November 2003	Hanoi Pedagogical University	Hanoi Pedagogical University, Vietnam
21 November 2003	Duta Republik Czech	Kedutaan Republik Czechoslovakia
1 Disember 2003	Ms Sharon E. Henry, Pustakawan Asia Development Bank Library, Philippines	Asia Development Bank Library, Philippines
1 Disember 2003	Peserta ICADL 2003	Pustakawan dari Negara-Negara Asia
23 Disember 2003	Perpustakaan Komuniti Taman Jambu, Pulau Pinang	Perpustakaan Komuniti Taman Jambu, Pulau Pinang

LIPUTAN MEDIA MASSA

Sepanjang tahun 2003, Perpustakaan Negara Malaysia telah mendapat 165 liputan media cetak dan elektronik. Liputan adalah mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, pameran, bengkel, seminar, kempen membaca, majlis pelancaran buku dan pelbagai majlis perasmian yang berlangsung dalam dan luar Perpustakaan Negara Malaysia. Antara media tersebut ialah Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star, Harian Metro, New Straits Times, TV3, RTM dan NTV7.



Y.A.Bhg. Dato' Amar Hajah Laila Taib, isteri Ketua Menteri Sarawak disambut hormat oleh pegawai kanan PNM.

PERINGKAT KEBANGSAAN

■ Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK)

Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK) dianggotai oleh pustakawan dari Perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Kementerian Penerangan, Kementerian Pertanian, Jabatan Perdana Menteri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sarawak, Perpustakaan Penyelidikan Tun Hj. Mohd Fuad Stephens, pensyarah Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA dan Perpustakaan Negara Malaysia sendiri. Perpustakaan Negara Malaysia merupakan urus setia bagi JKKK. Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Teknik menjadi Pengerusi JKKK. Beliau telah terlibat dalam penyediaan standard teknikal dan pembangunan metadata bagi projek Grid Pembelajaran Malaysia (MyGfL) yang diusahakan oleh MIMOS Bhd.

■ Persatuan Pustakawan Malaysia

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) merupakan persatuan ikhtisas yang dianggotai oleh kumpulan pegawai ikhtisas, dan institusi yang terlibat dalam profesion kepustakawanan. Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia telah dipilih sebagai Yang DiPertua PPM bagi sesi 2003-2005. Selain daripada itu, beberapa orang pegawai Perpustakaan Negara Malaysia dipilih/dilantik sebagai Ahli Majlis PPM bagi sesi 2003-2005, iaitu, Puan Siti Zakiah bt. Aman sebagai Naib Yang DiPertua II, Cik Nafisah bt. Ahmad sebagai Setiausaha Kehormat, Puan Chin Loy Jyoon sebagai Bendahari Kehormat dan Encik A. Azli bin Abd. Rahim sebagai Penolong Setiausaha Kehormat.

Pada tahun 2003, Perpustakaan Negara Malaysia dan PPM telah bekerjasama menganjurkan Dialog Pustakawan dengan Pembekal Buku pada 22 Julai 2003, sempena Bulan Membaca Kebangsaan 2003 dan *6th International Conference on Asian Digital Libraries*.

■ Jawatankuasa Kecil Mikroform (SCOM)

Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa kecil di bawah *Joint Standing Committee on Bibliographic Services and Library Cooperation (BILCO)*, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Ia merupakan satu jalinan kerjasama dalam projek mikroform bagi bahan perpustakaan, terutamanya surat khabar tempatan, di antara 10 institusi. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada Jabatan Arkib Negara, Arkib Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Sarawak, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia serta Perpustakaan Negara Malaysia. Jawatankuasa dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pemuliharaan, Perpustakaan Negara Malaysia.

Jawatankuasa tidak mengadakan sebarang mesyuarat pada tahun 2003. Buletin SCOM telah dikeluarkan sebanyak 2 kali, iaitu pada bulan Mac dan Oktober 2003.

■ Jawatankuasa *Data Dictionary* Sektor Awam

Perpustakaan Negara Malaysia telah menganggotai Jawatankuasa *Data Dictionary* Sektor Awam sejak tahun 2000. Urus setia Jawatankuasa ini ialah MAMPU. Timbalan Pengarah Bahagian Khidmat Teknik menjadi wakil Jabatan dalam Jawatankuasa ini, dan menganggotai Kumpulan Kerja I (Data Generik) dalam Jawatankuasa ini.

■ Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan anggota Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia. Jawatankuasa Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat, Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia, telah mengadakan 2 mesyuarat sepanjang tahun 2003. Antara perkara yang dibincangkan ialah penerbitan buku cerita braille untuk kanak-kanak sekolah rendah, edisi semakan kod braille Melayu, dan projek mendokumen pencapaian orang-orang buta.

■ Sistem Pembekalan Penerbitan

Sebuah lagi sistem perkhidmatan yang dikendalikan oleh Pusat Maklumat Malaysiana ialah Sistem Pembekalan Penerbitan yang merupakan satu perluasan daripada perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan. Sistem ini membolehkan pengguna sesebuah perpustakaan meminjam dan membuat pertukaran sumber-sumber perpustakaan. Ia menggalakkan ketersediaan terbitan-terbitan di peringkat kebangsaan dan sejagat dan menggalakkan serta memudahkan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa dan perkongsian sumber di antara perpustakaan untuk pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Pada tahun 2003, sebanyak 759 bahan dipohon dan 627 dipenuhi untuk pinjaman. Terdapat peningkatan penyertaan 20 ahli baru, menjadikan jumlah besar keahlian SPP kepada 454 ahli sekarang ini.

PERINGKAT SERANTAU DAN ANTARABANGSA

■ Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara Asia dan Oceania (CDNLAO)

Persidangan CDNLAO ke-11 telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 19 Oktober 2003. 14 negara Asia dan Oceania telah menghadiri persidangan tersebut. Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, telah mewakili Malaysia. Antara isu yang dibincangkan adalah laporan negara dan CDNLAO 2003. Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Performance Indicators for National Libraries in Asia/Oceania : Preliminary Proposals Based on a Survey of Asian Libraries*.

■ Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara (CDNL)

Persidangan CDNL ke-30 telah diadakan di Berlin, Jerman, pada 6 Ogos 2003. Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, telah mewakili Malaysia dalam Persidangan tersebut. Beliau telah membentangkan laporan berjudul *Country Report : Malaysia*. Laporan ini menekankan kepada pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di Malaysia dengan

merujuk khusus kepada Perpustakaan Negara Malaysia dalam tahun 2003. Antara isu yang dibentangkan ialah Projek Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA), Modul Pendidikan Pengguna (E-Library), Pelaksanaan Struktur Baru Organisasi dan Pelaksanaan Skim Hadiah di Malaysia.

■ Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL XII)

Persidangan CONSAL XII telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 19 hingga 23 Oktober 2003. Persidangan ini bertemakan *Information Resources Empowerment : Enhancing Knowledge Heritage* dan dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Brunei Darussalam. Perpustakaan Negara Malaysia telah menghantar 9 orang wakil ke Persidangan tersebut. Sebanyak 6 kertas kerja telah dibentangkan, iaitu *Country Report* oleh Puan Putri Saniah bt. Megat Abdul Rahman dan Cik Salbiah bt. Mohammad Yusof, *Human Resource Development in Malaysia* oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba dan Encik Raslin bin Abu Bakar, *Development of Life Long Learners Through Information Literary Programmes : A View from Academic Libraries* oleh Encik Mohd Sharif bin Mohd Saad dan Puan Maimunah bt Kadir, *Preservation of Intellectual Heritage* oleh Datin Siti Mariani bt. S.M. Omar dan *Placing Libraries in Economy Through Lifelong Learning* oleh Encik Mohd Taib bin Mohamed.

Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, telah menghadiri Mesyuarat ke-5 Lembaga Eksekutif CONSAL XII yang diadakan di Brunei Darussalam pada 19 hingga 20 Februari 2003. Mesyuarat tersebut telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Perpustakaan Brunei Darussalam.

■ Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI)

Dr. Haji Wan Ali bin Wan Mamat, Pengarah Perancangan dan Perhubungan Korporat, telah menghadiri Mesyuarat ke-38 Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, pada 18 hingga 22 Mac 2003.

Satu program ASEAN-COCI mengenai kebudayaan *People to People Exchange Programme (Phase II)* telah diadakan di Singapura pada 12 hingga 16 November 2003. Program ini memberi tumpuan kepada pengurusan, perjalanan dan penceritaan kanak-kanak (*children's librarian and storyteller*). Malaysia telah menghantar 2 peserta, iaitu Puan Samsul Khamariah bt. Hamzah dan Puan Hasniah bt. Hussain.

■ **Kongres Perpustakaan dan Maklumat Sedunia (WLIC)**

Persidangan IFLA ke-69 telah diadakan di Berlin, Jerman dari 1 hingga 9 Ogos 2003. Persidangan Tahunan IFLA yang dahulunya dikenali sebagai *IFLA General Conference and Council* telah ditukarkan kepada *The World Library and Information Congress (WLIC)*. Tema Persidangan ialah *Access Point Library : Media – Information - Culture*. Tema kecil pula ialah *Transforming Media Management, Strengthening Information Content, Guaranteeing Human Culture*. Malaysia diwakili oleh 13 orang peserta termasuk 2 dari Perpustakaan Negara Malaysia, iaitu Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba dan Dr. Hj. Wan Ali bin Wan Mamat, Pengarah Perancangan dan Perhubungan Korporat.

Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Performance Indicators for National Libraries in Asia/Oceania*.

■ **Pusat Sumber Malaysia di Luar Negara**

Penubuhan tiga Pusat Sumber Malaysia di University of Ohio, Athens, USA, Royal Institute of Linguistics and Anthropology (KITLV), Netherlands, dan University of Victoria, Wellington, New Zealand adalah bertujuan untuk menyokong penyelidikan mengenai Malaysia di luar negara, dan membantu memudahkan pembelajaran mengenai pengajian Malaysia yang ditawarkan oleh institusi tersebut.

Pada tahun 2003, sejumlah 2,314 naskhah bahan telah dihantar ke tiga buah Pusat Sumber Malaysia ini. University of Ohio telah menerima 874 unit bahan termasuk CD-ROM dan mikrofilem surat khabar Utusan Malaysia dan The Malay Mail keluaran tahun 2002 dan 2003. Sebanyak 826 unit bahan telah dihantar kepada Pusat Sumber Malaysia di KITLV, manakala 638 unit bahan dihantar kepada University of Victoria, Wellington, New Zealand. Selain daripada monograf, kedua-dua Pusat Sumber ini juga menerima 24 unit CD-ROM dan 61 rol mikrofilem surat khabar Utusan Malaysia dan The Malay Mail keluaran tahun 1967 hingga 2003.

Pada 25 Julai 2003, Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, telah menerima kunjungan rombongan pelawat dari University of Ohio yang diketuai oleh Provost Stephen Kopp.

P A M E R A N

Sepanjang tahun 2003, sebanyak 12 pameran, termasuk satu pameran bergerak, telah diadakan sebagai satu usaha untuk menarik orang ramai

datang ke perpustakaan. Senarai pameran yang telah diadakan adalah seperti di **Jadual XV**.

Jadual XV
PAMERAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2003

Tarikh	Pameran yang dikendalikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia	Tempat	Anjuran
18 Feb-20 Mac 2003	Pameran "sihat@gayahidup : Katakan Tidak Kepada Dadah"	Ruang Pameran, Aras 1	Anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Agensi Dadah Kebangsaan
7 -30 April 2003	Pameran Bapa Kemerdekaan	Ruang Pameran, Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia
21 April 2003	Pameran Pembangunan Perpustakaan di Malaysia	Ruang Pameran, Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia
22-23 April 2003	Pameran bersempena Persidangan Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri	Sunway Hotel And Convention Centre	Anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan PPA Selangor
1-31 Julai 2003	Bacaan Kegemaran Saya	Bilik Syarahan, Aras 5	Perpustakaan Negara Malaysia
16 Ogos-17 Sept. 2003	Pameran Bulan Kemerdekaan	Anjung Puisi, Aras 2	Perpustakaan Negara Malaysia
19 Ogos-12 Sept. 2003	Pameran Citra Wanita Unggul	Ruang Pameran, Aras 1	Anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Majlis Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)
18 Sept.-6 Okt. 2003	Pameran Persuratan Melayu: Warisan Intelek Silam	Ruang Pameran, Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia
8-30 Okt. 2003	Pameran Negara-Negara OIC	Ruang Pameran, Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia
10-16 Okt. 2003	Pameran Sempena Minggu Q	Anjung Puisi, Aras 2	Perpustakaan Negara Malaysia
17-26 Okt. 2003	Pameran <i>The 7th Asian Cartoon Exhibition- Getting a Job in Asia.</i>	Anjung Puisi, Aras 2	Anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Yayasan Jepun
22 Jan-23 Julai 2003	Pameran Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	PPN Perlis	PPN Perlis

Tarikh	Pameran yang dikendalikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia	Tempat	Anjuran
8-23 Ogos 2003	Pameran Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	PPN Negeri Sembilan	PPN Negeri Sembilan
27 Ogos-25 Sept. 2003	Pameran Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	PPN Kedah	PPN Kedah
20 Sept.-10 Okt. 2003	Pameran Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	PPN Perak	PPN Perak
17 Sept.-31 Okt. 2003	Pameran Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	PPN Melaka	PPN Melaka
7-20 Nov.	Pameran Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	PPN Sabah	PPN Sabah



Y.Bhg. Tan Sri Samsuddin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, dibawa melihat pameran *Pembangunan Perpustakaan : satu imbasan* di ruang pameran PNM.



Y.B. Dato' Dr. Hajah Siti Zaharah bt. Haji Sulaiman, Menteri Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat dibawa melihat pameran *Citra Wanita Unggul* oleh Y.Bhg Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah PNM.



Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba menerangkan sesuatu kepada tetamu jemputan di pameran *Negara-Negara OIC* di ruang pameran PNM.



Pegawai dari Agensi Dadah Kebangsaan memberi penerangan di Pameran *sihat@gayahidup Katakan Tidak Kepada Dadah* di PNM.




Pengunjung perpustakaan melihat pameran *Bapa Kemerdekaan* di ruang pameran PNM.

PENERBITAN



■ Monograf

- Bibliografi Beranotasi Kanak-kanak
- Bibliografi Dr. Mahathir, edisi diperluas, (3 jilid)
- Bibliografi Kemerdekaan
- Bibliografi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- Bibliografi Warisan Budaya Melayu
- Direktori Laman Web Wanita Malaysia
- Garis Panduan Program Literasi Berasaskan Perpustakaan : Beberapa Cadangan Praktikal
- Kata-kata Hikmah Nilai Murni
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketiga
- Katalog Pameran Persuratan Melayu : Warisan Intelek Silam
- Katalog Terbitan Perpustakaan Negara Malaysia
- Perkhidmatan Perpustakaan Awam : IFLA / UNESCO Garis Panduan Pembangunan





■ Laman Web

- Laman Web CIS (<http://cis.pnm.my/nalcis>)
- Laman Web Pangkalan Data Pakar Maklumat (<http://cis.pnm.my/pakar>)
- Laman Web Pameran Maya Perpustakaan Keluarga (<http://perdana.pnm.my/perpustakaan-keluarga>)
- Laman Web Portal Perpustakaan Islam Digital Antarabangsa (IIDL) (<http://www.iidl.net>)

■ VCD

- Puisi Kanak-Kanak



■ Terbitan bersiri

- Buletin Perpustakaan Awam Negeri, Bil. 1 / 2003 dan Bil. 2 / 2003
- Jurnal Filologi Melayu, Jilid 11
- Laporan Bulan Membaca Kebangsaan 2003
- Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia /Annual Report National Library of Malaysia 2002
- Pustaka : Buletin Perpustakaan Negara Malaysia
- Sari Pustaka
- Sekitar Perpustakaan, Bil. 36



■ CD-ROM

- Bibliografi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

P E N U L I S A N

KERTAS KERJA

Harleeza bt. Abu Husin

Peranan dan Sumbangan Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri Dalam Program NILAM. Kertas kerja disediakan bersama Siti Aishah bt. Sheikh Kadir dan telah dibentangkan dalam Konvensyen Pembacaan dan Literasi Maklumat Negeri Perak 2003 pada 28 April 2003 di Pulau Pangkor, Perak.

Peranan Perpustakaan Negara Malaysia Dalam Galakan Pembacaan dan Penggunaan Buku Kanak-kanak. Kertas kerja disediakan bersama Siti Aishah bt. Sheikh Kadir dan telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Buku Kanak-kanak Malaysia 2003 pada 1 Ogos 2003 di Shah Alam, Selangor.

Jamilah bt. Mohd. Sir

Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Kesusasteraan Tradisional Dalam Zaman Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Kertas kerja ini disediakan bersama Dato' Zawiyah bt. Baba dan telah dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara Ke-3 pada 22 September 2003 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Raslin bin Abu Bakar

Human Resource Development in Malaysia. Kertas kerja bersama Dato' Zawiyah bt. Baba dan Raslin bin Abu Bakar telah dibentangkan di Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL XII) pada 20 hingga 23 Oktober 2003 di International Convention Centre Barakas, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Rosham bin Haji Abdul Shukor, Haji

Analisis Statistik Perpustakaan Awam di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan di Mesyuarat Penyelarasan dan Gerakan Membaca Perpustakaan Awam pada 28-29 April 2003 di Lumut, Perak.

Siti Aishah bt. Sheikh Kadir

Peranan dan Sumbangan Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri Dalam Program NILAM. Kertas kerja disediakan bersama Harleeza bt. Abu Husin dan telah dibentangkan dalam Konvensyen Pembacaan dan Literasi Maklumat Negeri Perak 2003 pada 28 April 2003 di Pulau Pangkor, Perak.

Peranan Perpustakaan Negara Malaysia Dalam Galakan Pembacaan dan Penggunaan Buku Kanak-kanak. Kertas kerja disediakan bersama Harleeza bt. Abu Husin dan telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Buku Kanak-kanak Malaysia 2003 pada 1 Ogos 2003 di Shah Alam, Selangor.

Siti Mariani bt. S.M.Omar, Datin

Preservation of Intellectual Heritage dan telah dibentangkan di Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL XII) pada 20 hingga 23 Oktober 2003 di International Convention Centre Barakas, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Siti Zakiah bt. Aman

Peranan Perpustakaan Negara Malaysia Meningkatkan Keupayaan Perpustakaan Awam Negeri Dalam Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) di Persidangan Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Se Malaysia Ke 2 pada 22 Mei 2003 di Hotel Sunway Lagoon & Resort.

ICT Infrastructure and Local Content Development in Malaysia: Constraints and Challenges, Promoting the Concept of the International Islamic Digital Library pada 10 Jun 2003 di Perpustakaan Universiti Columbia, USA.

Sharing the Nation's Knowledge and Cultural Heritage Through PERDANA (National Digital Library System): Issues and Challenges di 'International Conference on Changes and Challenges of Public Library Services to Bridge the Digital Divide' pada 23-25 Jun 2003 di Gurney Hotel, Pulau Pinang.

Zawiyah bt. Baba, Dato'

Country Report : Malaysia dan telah dibentangkan di Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara (CDNL) ke 30 pada 6 Ogos 2003 di Berlin, Jerman

Performance Indicators for National Libraries in Asia / Oceania : Preliminary Proposals Based on a Survey of Asian Libraries dan telah dibentangkan di Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara Asia dan Oceania (CDNLAO) ke 11 pada 19 Oktober 2003 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam dan di Kongres Perpustakaan dan Maklumat Sedunia (WLIC) pada 1 hingga 9 Ogos 2003 di International Conference Centre, Berlin, Jerman.

Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Kesusasteraan Tradisional Dalam Zaman Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Kertas kerja ini disediakan bersama Jamilah bt. Mohd. Sir dan telah dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara Ke-3 pada 22 September 2003 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Human Resource Development in Malaysia. Kertas kerja ini disediakan bersama Raslin bin Abu Bakar dan telah dibentangkan di Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL XII) pada 20 hingga 23 Oktober 2003 di International Convention Centre Barakas, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

ULASAN BUKU

Ali bin Rashid (rev)

Konflik dalam Kepimpinan. SARI PUSTAKA, (2) : 7; 2003.

Beezeebee (rev)

E-Government in Malaysia. SARI PUSTAKA, (1) : 5-7; 2003.

Tan Sri Fatimah : Potret Seorang Pemimpin. SARI PUSTAKA, (2) : 15-17; 2003.

The Journey. SARI PUSTAKA, (4) : 7-8; 2003.

Carole Ann Goon (rev)

The Rice Mother. SARI PUSTAKA, (2) : 11-12; 2003.

Che Rohana bt. Che Omar (rev)

Menguatkan Ingatan. SARI PUSTAKA, (4) : 13-15; 2003.

Chong Soon Kiong (rev)

Orchids : the Living Jewels of Malaysia. SARI PUSTAKA, (4) : 15-17; 2003.

Fauziah bt. Abu Hassan (rev)

Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia. SARI PUSTAKA, (4) : 11-12; 2003.

Hasrimi bin Mohamed (rev)

Pemikiran Dr. Mahathir tentang Islam. SARI PUSTAKA, (2) : 10; 2003.

Iliza bt. Ismail (rev)

Sukma Rindu. SARI PUSTAKA, (2) : 14-15; 2003.

Ima Eryanty bt. Abdul Manaf (rev)

Tumbuhan Beracun di Sekeliling Kita. SARI PUSTAKA, (2) : 18-20; 2003.

Jamilah bt. Mohd. Sir (rev)

Seni Bercakap-cakap dan Berbual-bual. SARI PUSTAKA, (4) : 17-18; 2003.

Kamarudin bin Mat Nata (rev)

Undang-Undang Pekerja untuk Pengurus. SARI PUSTAKA, (4) : 19-20; 2003.

Mazleen bt. Othman (rev)

121 Sifat Utama Nabi S.A.W. SARI PUSTAKA, (2) : 13-14; 2003

Mohamad Nor Izzat bin Mohamad Yasin (rev)

Penilaian Prestasi Maklum Balas 360 Darjah: Pilihan atau Tuntutan. SARI PUSTAKA, (3) : 19-20; 2003.

Mohamad Sharizal bin Omar (rev)

Animasi 3D. SARI PUSTAKA, (1) : 3-4; 2003.

Mohamad Taufiq bin Hamdan (rev)

Pengurusan Harta Wakaf. SARI PUSTAKA, (3) : 17-18; 2003.

Mohd. Azmi bin Aziz (rev)

Budaya Kerja Cemerlang. SARI PUSTAKA, (3) : 5-6; 2003.

Mohd. Fathrulrizam bin Said (rev)

Pandai Jawi. SARI PUSTAKA, (3) : 15-16; 2003.

Nik Irfah Rumaizah bt. Ibrahim (rev)

Islam Mencabar. SARI PUSTAKA, (2) : 5-6; 2003.

Norazlin bt. Nasri (rev)

1515. SARI PUSTAKA, (3) : 3-4; 2003.

Nor Suriani bt. Mohd. Zin (rev)

Kesihatan dari Segi Islam & Sains. SARI PUSTAKA, (1) : 7-9; 2003.

Normila bt. Mohd. Ariffin (rev)

Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor. SARI PUSTAKA, (1) : 12-14; 2003.

Philomena Septimus Amit (rev)

Ombak Rindu. SARI PUSTAKA, (2) : 8-9; 2003.

Rosimah bt. Soad (rev)

Jalan Untuk Kita Mendekati Allah. SARI PUSTAKA, (4) : 5-6; 2003.

Rosli bin Yussuf (rev)

Teknik Merangsang Anak Belajar. SARI PUSTAKA, (1) : 19-20; 2003.

Rozlinah bt. Ismail (rev)

Sabah & Sarawak dalam Arus Globalisasi. SARI PUSTAKA, (1) : 17-18; 2003.

Rozlinda bt. Samsuri (rev)

Cinta Jati Klasik. SARI PUSTAKA, (3) : 6-7; 2003.

Sahril bin Lariwoo (rev)

Pengenalan Pemikiran Kritis & Kreatif. SARI PUSTAKA, (1) : 11-12; 2003.

Shafikullah bin Hj. Mohd. Shafiee (rev)

Mabathir Menjulung Martabat Malaysia. SARI PUSTAKA, (4) : 10-11; 2003.

Siti Manoriah bt. Saleh (rev)

Kekeluargaan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah. SARI PUSTAKA, (3) : 8-9; 2003.

Sofia bt. Osman (rev)

Masalah Tidur dan Penyelesaiannya. SARI PUSTAKA, (1) : 9-10; 2003.

Suhaila bt. Abd. Rahman (rev)

40 Sifat yang dicintai Allah. SARI PUSTAKA, (4) : 3-4; 2003.

Suzilawati bt. Salamat (rev)

Membentuk Jati Diri Remaja: Buku Panduan bagi Remaja Membina Identiti Diri. SARI PUSTAKA, (3) : 14; 2003.

Syamiela bt. Mohd Ariffin (rev)

Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor. SARI PUSTAKA, (1) : 13-14; 2003.

Wan Ahmad Fadir bin Wan Jusoh (rev)

Kenangan Tunku : Wawancara K. Das. SARI PUSTAKA, (3) : 9-11; 2003.

Wan Ali bin Wan Mamat, Dr. Haji (rev)

English Writing Skills : A Guide for EFL/ESL Learners. SARI PUSTAKA, (2) : 3-4; 2003.

Wan Rozaini bin Wan Ibrahim (rev)

Lailatul-Qadr: Malam al-Quran. SARI PUSTAKA, (3) : 11-13; 2003.

Yazid bin Ibrahim (rev)

Psikologi Remaja. SARI PUSTAKA, (1) : 16-17; 2003.

Zahuddin bin Sidek@Salleh (rev)

Komunikasi Siber Alaf Baru. SARI PUSTAKA, (4) : 9-10; 2003.

Zuraidah bt. Mohamed (rev)

Penyakit Taun: Pengenalan dan Perawatan. SARI PUSTAKA, (1) : 14-15; 2003

KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

■ Kepimpinan Kelab PNM 2003

Kepimpinan Kelab PNM 2003 diterajui oleh pegawai-pegawai yang dilantik dalam Mesyuarat Agong Kelab PNM ke-24 yang diadakan pada 12 Mei 2003. Mereka yang dipilih/dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM bagi tempoh 2003/2005, adalah seperti berikut:

Yang DiPertua Kelab
Puan Zainab bt. Ibrahim
Naib Yang DiPertua Kelab
Tuan Haji Rosham bin Haji Abd. Shukor
Setiausaha Kehormat
Puan Jamilah bt. Mohd. Sir
Penolong Setiausaha Kehormat
Cik Hamidah bt. Abd. Hamid
Bendahari Kehormat
Puan Radiah bt. Mohd. Salleh (sehingga November 2003) Puan Meriam bt. Abd. Aziz (mulai Disember 2003)
Ahli Jawatankuasa Eksekutif
Encik Kamarudin bin Mat Nata Cik Salbiah bt. Mohammad Yusof Puan Dahlia bt. Zainal Puan Musalmah bt. A. Muiz Cik Sofiah bt. Osman Encik Azhar Rizal bin Abu Bakar Encik Ahmad Rouzairi bin Tajuddin

■ Keahlian

Kini terdapat 3 kategori Ahli Kelab Perpustakaan Negara Malaysia iaitu Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat. Ahli Biasa terdiri daripada semua warga Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia.

Anggota perkhidmatan awam di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dan staf syarikat pengawal keselamatan serta syarikat penyelenggaraan bangunan boleh menjadi Ahli Bersekutu. Manakala bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan bekas Yang DiPertua Kelab menjadi Ahli Kehormat. Sehingga akhir tahun 2003, Kelab Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai seramai 343 Ahli Biasa, 14 Ahli Bersekutu dan 3 orang Ahli Kehormat.

■ Aktiviti

Kelab Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan sempena Hari Keluarga Kementerian Pendidikan Malaysia, yang berlangsung pada 29 Jun 2003 di Taman Keluarga Bukit Jalil.

Ahli-ahli Kelab Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil bahagian dalam Sukan Tiga Penjuru di antara Jabatan Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium dan Antikuiti dan Perpustakaan Negara Malaysia. Sukan ini dihoskan oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia yang telah diadakan pada bulan April, dan majlis penutup telah diadakan pada 6 Jun 2003.

Seramai 5 orang ahli Kelab Perpustakaan Negara Malaysia telah menyertai Kejohanan Sukan Perpustakaan Awam SeMalaysia Ke-15 yang diadakan di Kuching, Sarawak pada 8 - 10 September 2003 sebagai pasukan jempunan. Ahli Kelab Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil bahagian bagi acara boling.

Pada 11-19 Oktober 2003 Pesta Sukan PNM 2003 telah diadakan. Sebanyak 12 jenis sukan dipertandingkan. Majlis perasmian telah diadakan pada 11 Oktober 2003 di Pusat Rekreasi PNM dan disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia.

Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan ibu-ibu tunggal dari Persatuan Ibu Tunggal Ikatan Masyarakat Penyayang Malaysia telah diadakan pada 17 November 2003 di Bilik Serbaguna, Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini diikuti dengan

Sembahyang Tarawih berjemaah yang dipimpin oleh Ustaz Suhaimi, dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Pada 1 Disember 2003 Majlis Perjumpaan Hari Raya Aidil Fitri telah diadakan di Ruang Pameran Aras 1, Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis ini turut meraikan 30 orang anak yatim dari Wilayah Persekutuan dan Selangor. Sumbangan wang hari raya kepada anak-anak yatim telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia merangkap Penaung Kelab PNM. Majlis diserikan dengan dendangan lagu-lagu hari raya oleh ahli Kelab yang berbakat.

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM (PUSPANITA)

Staf Perpustakaan Negara Malaysia adalah ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Jumlah ahli PUSPANITA Perpustakaan Negara Malaysia ialah seramai 44 orang yang terdiri daripada warga wanita di setiap lapisan gred.



Y.Bhg. Dato' Zawiyah bt. Baba telah merasmikan Pesta Sukan PNM 2003.

Ahli PUSPANITA Perpustakaan Negara Malaysia telah menghadiri Mesyuarat Agong PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia ke-20 yang telah diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Ahli-ahli telah menghadiri Sambutan Majlis Hari Raya Aidil Fitri dan Majlis Persaraan yang telah diadakan pada 10 Disember 2003 di Kelab Shah Alam Selangor. Ahli juga turut menghadiri ceramah agama dan ceramah kesihatan anjuran PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan.



Penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim.



Para jemputan dan warga PNM di Majlis Jamuan Hari Raya di ruang pameran PNM.

Perpustakaan Negara Malaysia
232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur
Tel: 03-26871700
Faks: 03-26927502, 26942490
E-mel: pnmweb@www1.pnm.my <http://www.pnm.my>

ISSN 0128-3170



9 770128 317007